

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN**

RABU: 14 MEI 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA 68)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO:9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN

TARIKH: 14 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [Lipis] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- a) berapa nilai pampasan pekerja yang dibayar Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada tahun 2005, 2006 dan 2007; dan
- b) berapa jumlah kemalangan di tempat kerja yang direkodkan pada tahun 2005, 2006 dan 2007.

PR-1211-L11633

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan para pekerja. Sehubungan itu, kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menyediakan dua skim perlindungan keselamatan sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat untuk menjaga kesejahteraan pekerja dan tanggungan mereka jika berlaku sebarang kemalangan atau kecelakaan. Skim perlindungan pekerja melindungi pekerja semasa bekerja dan bukan pada waktu bekerja.

Berhubung dengan bayaran faedah ke atas pekerja yang ditimpa kemalangan yang dibayar oleh PERKESO pada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti berikut:

Tahun	Bayaran Pampasan (RM)
2005	883,897,772
2006	959,593,556
2007	1,059,584,313

Tuan Yang Dipertua,

Dalam konteks kemalangan di tempat kerja pula, jumlah kemalangan yang direkod ialah 43,885 kes pada tahun 2005, 40,617 kes tahun 2006 dan 38,657 tahun 2007. Secara purata jumlah kemalangan menurun sebanyak 6.2% setahun. Kadar ini adalah terkawal, walaubagaimana pun usaha perlu dipertingkatkan lagi bagi mengurangkan jumlah kemalangan industri di negara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**

TARIKH : 14.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI) minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah masih ramai terdapat Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di sekolah-sekolah; walhal Kementerian hendak mensasarkan sifar GSTT. Adakah ini disebabkan masalah "mismatch".

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perlu dijelaskan bahawa pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) tidak langsung mempunyai kaitan dengan isu '*mismatch*'. Sebaliknya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih memerlukan khidmat GSTT atas sebab-sebab tertentu, antaranya untuk menampung keperluan pertambahan jawatan guru yang diluluskan di seluruh negara, yang tidak dapat ditampung dengan guru-guru terlatih sedia ada dan kekurangan guru dalam subjek-subjek kritikal seperti Bahasa Cina.

\Bagi memenuhi keperluan guru-guru terlatih, KPM melaksanakan pelbagai alternatif khususnya berkaitan dengan khidmat GSTT antaranya:

- i. GSTT yang sedang mengikuti program latihan Kursus Dalam Cuti (KDC) di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) akan

diserap sebagai guru terlatih setelah menamatkan kursus dengan jayanya.

- ii. GSTT yang bukan di bawah program KDC pula boleh memohon untuk mengikuti mana-mana program latihan BPG sekiranya mereka berminat dan memenuhi syarat mengikut prosedur sedia ada.
- iii. Melonggarkan syarat kemasukan ke IPG bagi Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) iaitu khususnya syarat Kepujian dalam Bahasa Malaysia serta bilangan kredit di peringkat SPM.

KPM juga telah mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara. Sehubungan itu, KPM telah melatih guru-guru dengan pelbagai *mode* latihan perguruan. Antaranya;

- i. Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) – Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS);
- ii. Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) – KDC;
- iii. Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) – *Mode* Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS);
- iv. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP);
- v. Program Ijazah Muda Pendidikan (B. Ed);
- vi. Program Ijazah Sarjana Muda Pelajar Cemerlang (PPC);
- vii. Program Kembar dengan universiti dari Republik Rakyat China;
- viii. Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) sehingga 2006; dan
- ix. Program Pensiswazahan Guru sekolah rendah.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]

TARIKH : 14 MEI 2008 [RABU]

SOALAN : Oleh TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU] minta Menteri Pertanian Dan
Industri Asas Tani menyatakan:-

Tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil bagi membantu petani-petani Hulu Terengganu yang tanaman mereka sentiasa diancam kemusnahan oleh gajah-gajah liar.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, Daerah Hulu Terengganu mengandungi 8 Mukim dengan keluasan 387,462 hektar dengan penduduk seramai 73,409 orang. Keluasan tanah pertanian bagi Daerah Hulu Terengganu ialah seluas 72,103 hektar. Terdapat beberapa jenis tanaman pertanian di Kawasan Hulu Terengganu iaitu Kelapa Sawit 20,896 hektar, getah 13,721 hektar, buah-buahan 3884 hektar dan padi 3162 hektar serta tanaman sayur-sayuran dan tanamam kontan 413 hektar. Jumlah penduduk Daerah Hulu Terengganu yang terlibat dengan kegiatan pertanian ialah seramai 47,000 orang atau lebih kurang 64%.
2. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak RM29.9 juta telah diperuntukan kepada Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Bagi Kawasan Hulu Terengganu sebanyak RM2.9 juta telah diperuntukan untuk membantu petani di Kawasan Hulu Terengganu sama ada dari segi pemberian bantuan anak benih atau pun baja.
3. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Perhilitan Terengganu, dianggarkan sebanyak 150 – 200 ekor gajah liar terdapat di Terengganu. Dari jumlah tersebut, sebanyak 15 – 20 ekor gajah liar yang dianggarkan kerap menyerang kawasan tanaman pertanian dan ladang. Kawasan Ajil dan Kuala Berang merupakan 2 kawasan yang selalu menerima aduan penduduk kampung mengenai serangan gajah liar di Hulu Terengganu. Sepanjang tahun 2007, sebanyak 173 aduan diterima mengenai serangan

gajah liar ke atas kawasan pertanian di seluruh Negeri Terengganu. Dari jumlah tersebut sebanyak 76 aduan diterima daripada petani di Kawasan Hulu Terengganu. Dalam tahun 2008 sahaja, sehingga bulan Mac sebanyak 13 aduan serangan gajah liar yang merosakan tanaman telah diterima dari Kawasan Hulu Terengganu.

4. Jenis tanaman pertanian yang terlibat dengan serangan gajah liar di Kawasan Hulu Terengganu ialah, pisang, kelapa dan jagung yang melibatkan kawasan persendirian, manakala bagi kawasan ladang khususnya kawasan felcra ialah tanaman Kelapa Sawit dan Getah. Dalam tempoh Januari - bulan April 2008, seramai 27 orang petani terlibat dalam kemusnahan tanaman akibat serangan gajah liar. Jumlah kerugian kerosakan hasil pertanian yang dianggarkan bagi Tahun 2007 akibat serangan gajah liar di Negeri Terengganu sahaja ialah sebanyak RM1,169,460.00, bagi Kawasan Hulu Terengganu jumlah kerugian ialah RM349,510.00 bagi Tahun 2007, sehingga Mac 2008 kerugian yang dianggarkan ialah sebanyak RM39,200.00

4. Saya difahamkan, Kerajaan Negeri Terengganu ada memberikan bantuan kepada petani-petani yang menjadi mangsa serangan gajah liar. Sebanyak lebih RM30,000 diperuntukan dan disalurkan kepada Pejabat Daerah Hulu Terengganu untuk memberikan bantuan berbentuk pampasan kepada petani yang terlibat dengan serangan gajah liar. Sehingga April 2008, seramai 16 orang petani yang mengalami kerugian RM5000 ke atas menerima bantuan 10% daripada jumlah kerugian. Kerajaan Negeri Terengganu juga difahamkan telah memperuntukan sebanyak RM70,000.00 kepada

Jabatan Perhilitan Negeri Terengganu untuk pengurusan pemindahan gajah liar di Negeri tersebut. Sepanjang Tahun 2007 sebanyak 7 ekor gajah liar telah berjaya dipindahkan manakal sehingga Mac 2008 sebanyak 2 ekor gajah liar lagi telah berjaya dipindahkan ke Taman Negara.

5. Setakat ini Kerajaan Persekutuan tiada dasar dari segi menyediakan peruntukan khas bagi membantu petani-petani yang tanaman mereka dimusnahkan oleh binatang liar seperti gajah dan babi. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Jabatan Pertanian boleh memberi bantuan dari segi input pertanian seperti benih dan baja kepada petani-petani yang terlibat dengan serangan binatang liar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN
[BATU GAJAH]
TARIKH : 14 MEI 2008
RUJUKAN : 870

SOALAN :

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kemajuan di dalam siasatan kes culik dan bunuh Nurin Jazlin, kehilangan Sharlinie dan Muhamad Asmawi Jalaluddin. Apakah rintangan yang dihadapi oleh Kementerian untuk menyediakan suasana yang selamat untuk orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis masih lagi meneruskan siasatan di dalam kes culik dan bunuh Nurin Jazlin, kehilangan Sharlinie dan Muhamad Asmawi Jalaluddin. Pihak polis masih menjalankan usaha secara berterusan untuk mengesan kanak-kanak tersebut serta suspek yang bertanggungjawab ke atas kehilangan mereka dan pembunuhan Nurin Jazlin.

Tuan Yang Dipertua,

Antara rintangan yang dihadapi dalam menyelesaikan kes-kes tersebut adalah kekurangan petunjuk yang kukuh dan penangkapan yang dilakukan oleh pihak polis tidak menghasilkan keterangan yang membolehkan mana-mana pihak dibawa ke pendakwaan. Dalam memastikan kejayaan bagi menyelesaikan sesuatu kes, kerjasama daripada orang ramai adalah diperlukan untuk mendapatkan maklumat.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah pencegahan, penglibatan keluarga serta kerjasama daripada masyarakat setempat adalah perlu dalam mewujudkan suasana yang selamat untuk kanak-kanak. Anak-anak perlu didedahkan dengan bahaya-bahaya yang boleh mengancam diri mereka dan diajar agar tidak mudah terpengaruh dengan pemberian tertentu daripada individu. Selain itu, tempat-tempat yang dikenal pasti kerap berlakunya jenayah perlu ditambah dengan CCTV.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : 14.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah efektif dari Kementerian untuk menyelesaikan masalah guru sementara di SRJK (C) dan berapakah statistik guru sementara di SRJK (C) di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan jawatan guru yang diperuntukkan setiap tahun adalah memenuhi keperluan berdasarkan bilangan murid dan penambahbaikan saiz kelas. Kekurangan guru wujud bukan sahaja di SJKC tetapi juga di hampir semua jenis sekolah. Walau bagaimanapun, ini merupakan masalah sementara akibat pewujudan jawatan baru dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2008. Pewujudan jawatan tambahan tersebut bertujuan meringankan tugas guru di samping meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah.

Mengenai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), KPM telah meluluskan pengambilan GSTT berdasarkan kekosongan semasa untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SJKC. Bagi tahun 2008 sahaja, sejumlah 3,095 GSTT telah diluluskan bagi mengisi kekosongan jawatan di SJKC. Kelulusan ini dibuat

berdasarkan jumlah kekosongan di setiap negeri sehingga 31 Januari 2008. KPM sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuklah di SJKC dan SJKT. Sehubungan itu, KPM telah melatih guru-guru dengan pelbagai *mode* latihan perguruan. KPM juga melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah melatih guru-guru opsyen Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) bagi memenuhi keperluan sekolah-sekolah KPM berdasarkan bilangan unjuran guru yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Unjuran Keperluan guru (JKUG) KPM.

KPM juga melaksanakan pelbagai alternatif khususnya berkaitan dengan khidmat GSTT antaranya; GSTT yang sedang mengikuti program latihan Kursus Dalam Cuti (KDC) di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) akan diserap sebagai guru terlatih setelah menamatkan kursus dengan jayanya; GSTT yang bukan di bawah program KDC pula boleh memohon untuk mengikuti mana-mana program latihan BPG sekiranya mereka berminat dan memenuhi syarat mengikut prosedur sedia ada; dan melonggarkan syarat kemasukan ke IPG bagi Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) iaitu khususnya syarat kepujian dalam bahasa Malaysia serta bilangan kredit di peringkat SPM.

Pada masa yang sama, KPM sedang mengkaji keperluan untuk mengubah suai formula pembekalan guru untuk memastikan satu mekanisme yang lebih komprehensif dapat diguna pakai. Antara cadangan yang dipertimbangkan adalah penggunaan formula pembekalan guru mengikut nisbah guru dan murid. Bagi kekurangan guru di SJKC, selain daripada menempatkan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) sebagai langkah jangka pendek, KPM juga sedang meneliti keperluan guru SJKC di Tahap 2 iaitu Tahun 4, 5 dan 6. Jika kekurangan guru tersebut tidak melibatkan mata pelajaran bahasa Mandarin, KPM bercadang untuk mempertimbangkan penempatan guru-guru bukan daripada kaum Cina di Tahap 2 SJKC bagi menampung kekurangan guru dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN AARON AGO ANAK
DAGANG (KANOWIT)**

TARIKH : **14 MEI 2008**

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuat satu dasar (keperluan minima) di mana setiap kawasan Parlimen terutama kawasan luar bandar, perlu diberi satu projek besar atau sederhana seperti projek pembangunan infrastruktur (jalan, bekalan elektrik dan air), yang diminta oleh Wakil Rakyat supaya ia menjadi satu kebanggaan oleh rakyat kawasan Parlimen itu yang menyokong pemimpin tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk membuat satu dasar yang menetapkan setiap kawasan Parlimen luar bandar perlu diberi satu projek besar atau sederhana. Pelaksanaan projek adalah berdasarkan kepada keutamaan dan peruntukan yang mencukupi dari masa ke semasa.

Projek-projek infrastruktur pembangunan seperti Program Jalan Luar Bandar (JALB), Projek Jalan Kampung (PJK), Program Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dilaksanakan oleh Kementerian adalah berdasarkan senarai projek yang telah dipersetujui dan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri yang sudah tentu mengambil kira keperluannya terhadap satu-satu Daerah atau kawasan Parlimen.

SULIT

NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN

Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah ketegasan Kerajaan dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana anggota pentadbiran negara tanpa mengira kedudukan dan pangkat sekiranya ada bukti yang menunjukkan kewujudan salah guna dan pencabulan kuasa demi menjaga kewibawaan dan integriti Kerajaan.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan memberi sepenuh kebebasan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk bertindak mengikut perundangan sedia ada tanpa *fear or favor* (dengan izin) tanpa mengira kedudukan atau status mereka yang terlibat dan tindakan ini meliputi terhadap Anggota-Anggota Pentadbiran. Tafsiran Pegawai Badan Awam di dalam Seksyen 2 Akta Pencegahan Rasuah (APR) 1997 amat jelas dan tidak memberi sebarang pengecualian kepada mana-mana pihak termasuk Anggota-Anggota Pentadbiran daripada tindakan undang-undang sekiranya mereka terlibat dengan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Komitmen Kerajaan dalam menjamin kebebasan BPR untuk bertindak telah terbukti sebelum ini dengan siasatannya terhadap kepimpinan tertinggi Kerajaan termasuklah di peringkat pusat dan negeri, bahkan ada di antara mereka telah dituduh di mahkamah dan dijatuhi hukuman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN)
TARIKH : 14.5.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan Kementeriannya untuk mengatasi masalah kesesakan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah termasuk di SMK Tebakang, SMK Taeë dan SMK Serian di kawasan Parlimen Serian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Matlamat untuk memberikan peluang pendidikan yang selesa dan kondusif kepada semua rakyat di negara ini sama ada di bandar mahupun di luar bandar merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Sehubungan itu, KPM telah mengambil perhatian terhadap masalah kesesakan murid di SMK Taeë, SMK Serian dan SMK Tebakang, dengan menyenaraikan sekolah-sekolah tersebut dalam Perancangan Pembangunan Pendidikan RMKe-9 bagi negeri Sarawak di bawah projek bangunan tambahan dan penyediaan kemudahan-kemudahan lain.

Selain daripada itu, KPM sedang membina sekolah baru SMK Tebedu, Serian yang mengandungi 36 bilik darjah termasuk kemudahan asrama yang boleh

menampung 1000 orang murid dan 18 unit rumah guru. Projek pembinaan sekolah tersebut dijangka siap pada Tahun 2010. Projek lain yang sudah diluluskan oleh kerajaan di Parlimen Serian ialah sekolah baru SMK Serian N0.2 dengan skop projek 36 bilik darjah termasuk kemudahan-kemudahan lain, seperti asrama yang boleh menampung 1000 orang murid dan 19 unit rumah guru. SMK Taei juga mendapat projek tambahan 12 bilik darjah. Semua projek tersebut diyakini dapat menyelesaikan masalah kesesakan murid yang berlaku di sekolah-sekolah yang dinyatakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	JAWAB LISAN DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM (BAYAN BARU)
TARIKH	/4 MEI 2008

SOALAN:

Datuk Zahrain Mohamed bin Hashim (Bayan Baru) minta **Perdana Menteri** menyatakan kos sebenar **Jambatan Kedua Pulau Pinang** dan apakah cara pemberian kontrak tersebut dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kos pembinaan **Jambatan Pulau Pinang Kedua** adalah sebanyak **RM4,300 juta**. Kos ini tidak termasuk kos pengambilan balik tanah, kos bayaran pampasan kepada penternak ikan dan kerang, kos variasi harga dan kos pembangunan projek yang masih belum diputuskan lagi. Anggaran awal kos pengambilan balik tanah adalah sebanyak **RM110 juta**, kos bayaran pampasan kepada penternak ikan dan kerang sebanyak **RM110 juta** dan kos pembangunan projek sebanyak **RM285 juta**.

Pemberian kontrak kepada **UEM Group Berhad** adalah secara rundingan terus memandangkan pemegang konsesi jambatan **Pulau Pinang** sedia ada, iaitu **Syarikat Penang Bridge Sdn. Bhd.** adalah merupakan anak syarikat milik **UEM Group Berhad**. Oleh yang demikian, memandangkan syarikat berkenaan merupakan pemegang konsesi **Jambatan Pulau Pinang** sedia ada dan sekiranya **Jambatan Pulau Pinang Kedua** dilaksanakan oleh pihak

lain, maka akan wujud *cannibalization of the first bridge* dan persaingan ini akan menjejaskan daya maju jambatan yang pertama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TARIKH : 14. 5. 2008

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah kejayaan Pendekatan Islam Hadhari telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam bentuk;

- a) Dasar-dasar negara yang universal dan boleh diamalkan secara praktikal oleh semua rakyat; dan
- b) Suatu pendekatan bagi menyatakan bahawa Malaysia adalah negara Islam contoh di peringkat antarabangsa

JAWAPAN

a) Islam Hadhari adalah pendekatan untuk mencapai kemajuan. Oleh itu kejayaan Pendekatan Islam Hadhari tidak boleh dilihat secara terpisah dengan pembangunan negara secara menyeluruh. Kejayaan Pendekatan Islam Hadhari adalah dari segi perubahan sikap untuk maju bagi mencapai dasar-dasar lain yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Pertanian Negara, Dasar Sains dan Teknologi, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Rukun Negara, Pelan Integriti Nasional, Dasar Pembangunan Nasional dan lain-lain. Oleh kerana Pendekatan tersebut selari dengan dasar-dasar lain maka kejayaan Pendekatan tersebut dapat dilihat pada pencapaian rakyat dalam pelbagai bidang kehidupan sesuai dengan 10 prinsip Pendekatan Islam Hadhari iaitu dalam bidang pendidikan, ekonomi, pertanian, sains dan teknologi, serta penciptaan dan inovasi. Malah, terdapat di kalangan

rakyat negara ini telah menerima anugerah dan diiktiraf serta diakui di peringkat antarabangsa hasil pencapaian mereka.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat pencapaian Pendekatan Islam Hadhari bukan hanya kepada bentuk material atau model-model tertentu semata-mata tetapi perlu dilihat dari aspek pembangunan syahsiah, jati diri dan pembinaan insan secara holistik. Apa yang lebih utama dasar tersebut lebih menekankan aspek pembinaan modal insan yang berteraskan nilai-nilai ketamadunan yang bersifat universal. Kesemua ini tidak mungkin dicapai dalam sekelip mata, tetapi memerlukan masa yang panjang kerana ianya melibatkan suatu proses untuk membuka minda dan perubahan sikap masyarakat itu sendiri.

b) Pendekatan Islam Hadhari yang mahu kita laksanakan merupakan suatu pendekatan pembangunan masyarakat dan Negara Malaysia, berdasarkan kepada perspektif Islam yang menyeluruh dan tidak bercanggah dengan masyarakat majmuk. Dilihat kepada pencapaian pendekatan tersebut dalam konteks negara Malaysia sehingga ia dijadikan negara contoh. Kita melihat pendekatan tersebut telah berjaya mempertahankan maruah umat Islam melalui dasar-dasar "mengutamakan perkara yang utama" (*aulawiyyat*), dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam bidang keilmuan, ekonomi dan perbankan Islam, bio teknologi, perpaduan kaum, hub halal dan sebagainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)
TARIKH : 14 MEI 2008
SOALAN : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pelantikan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) satu taktik khusus untuk menghalang peruntukan disalurkan ke negeri-negeri yang bukan di bawah pentadbiran Barisan Nasional.

JAWAPAN : Y.B. DATO' HAJI HASSAN BIN MALEK

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri yang bukan di bawah pentadbiran Barisan Nasional.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
(SEKIJANG)
PERTANYAAN : MULUT
TARIKH : 14.05.2008

Datuk Haji Baharum bin Mohamed (Sekijang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kenapakah Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak bermaya sedangkan Index Komposit melambung tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Komposit Bursa Malaysia (KLCI), yang terdiri daripada 100 syarikat tersenarai di Papan Utama, adalah petunjuk arah utama prestasi pasaran saham tempatan. Jika KLCI mengalami peningkatan yang tinggi, maka secara lazimnya, prestasi pasaran saham juga akan menunjukkan pasaran yang positif. Prestasi pasaran saham akan menjadi kurang aktif apabila indeks KLCI mengalami kejatuhan.

2. Pada suku pertama 2008, indeks-indeks utama serantau dan global berada dalam pertumbuhan negatif. Indeks KLCI juga turut mengalami kejatuhan sebanyak 13.67% sehingga Mac 2008 berbanding dengan penutup pada akhir bulan Disember 2007. Indeks negara lain seperti STI Singapura pula merosot 13.22%, HSI Hong Kong jatuh 17.85%, Nikkei-225 jatuh 17.85 dan JCI Indonesia juga turut jatuh 10.87%.

3. Kejatuhan indeks KLCI sejak Januari 2008 juga adalah seiring dengan prestasi pasaran serantau yang dipengaruhi oleh sentimen pasaran yang tidak memberansangkan termasuklah faktor kebimbangan ekonomi Amerika Syarikat akan mengalami kemelesetan dan peningkatan harga minyak mentah. Kejatuhan ini juga turut dialami oleh indeks - indeks lain di Bursa Malaysia.

4. Untuk makluman Ahli yang berhormat, walaupun indeks KLCI mengalami kejatuhan akibat sentimen pasaran global yang tidak menentu, pasaran saham Malaysia masih lagi bermaya dan dapat mengekalkan perkembangan yang amat memberangsangkan. Harga komoditi dunia yang tinggi, permintaan domestik yang kukuh serta polisi kewangan yang stabil dijangka memacu perkembangan perolehan korporat bagi tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN : **YB Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pembaharuan dan kejayaan signifikan yang telah Malaysia bawa kepada Negara-negara Islam OIC sepanjang tempoh ia menjadi Pengerusi OIC.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jika kita lihat, setelah sekian lama perhatian diberikan kepada isu-isu politik, semasa mempengerusikan OIC Malaysia telah berjaya memberi fokus kepada isu-isu ekonomi di samping isu teras OIC iaitu mencari jalan penyelesaian isu Palestin. Usaha-usaha ini secara keseluruhannya bertujuan membangunkan ekonomi negara-negara OIC yang masih miskin dan mundur melalui pembangunan sumber

manusia, institusi, organisasi, kemahiran pengurusan dan pembangunan infrastruktur. Selain itu, Malaysia juga telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan kefahaman dan menangani sebarang salah faham yang wujud di antara Islam dan Barat dengan menganjurkan Forum-Forum bertujuan memupuk kefahaman dan perasaan saling hormat-menghormati di antara kedua belah pihak.

Antara pencapaian-pencapaian utama ekoran inisiatif-inisiatif Negara merupakan menerajui usaha semula Sekretariat OIC termasuk penyemakan semula Piagam OIC, pewujudan Program Bina Upaya Negara-negara OIC (CBP4OICC), Forum Ekonomi Islam Sedunia (*WIEF-World Islamic Economic Forum*), penganjuran siri dialog tahunan '*Islam and the West*', penganjuran Persidangan Zakat Antarabangsa ke arah penubuhan Pertubuhan Zakat Antarabangsa serta usaha menyelaraskan dan menyeragamkan pengeluaran persijilan halal antarabangsa.

Walau bagaimana pun, isu berkaitan Palestin tetap kekal sebagai antara agenda utama yang sentiasa dibangkit dan diperjuangkan oleh Malaysia di pelbagai persidangan dan forum yang berkaitan, sama ada di peringkat serantau dan antarabangsa termasuk bekerjasama dengan pihak Sekretariat PBB bagi menganjurkan Mesyuarat Serantau Asia dan Pasifik Berhubung Isu Palestin yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 15 hingga 16 Disember 2006 dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif OIC Yang Diperlebar pada 3 Ogos 2006 bagi mencari jalan ke arah

mengembalikan keamanan ke bumi Lubnan ekoran serangan yang dilakukan oleh Israel pada Julai 2006.

Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh Malaysia ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia akan terus memainkan peranan aktif di dalam Jawatankuasa Eksekutif OIC walaupun kita tidak lagi menjadi Pengerusi OIC.

No: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 22.

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membina sebuah Politeknik Di Kawasan Parlimen Silam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebuah politeknik yang sedang beroperasi di Negeri Sabah iaitu di Kota Kinabalu yang dapat menampung seramai 3,600 pelajar pada satu-satu masa. Dalam tempoh RMKe-9, sebuah lagi politeknik akan dibina di Sandakan, Sabah yang boleh menampung seramai 2,400 orang pelajar.

Dengan pengoperasian kedua-dua buah politeknik ini, keperluan untuk membina sebuah lagi politeknik di Negeri Sabah dianggap kurang mendesak. Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi masih belum ada perancangan untuk membina politeknik baru di mana-

mana kawasan di Sabah termasuk di kawasan Parlimen Silam pada masa terdekat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)
TARIKH : 14.05.2008 (RABU)
SOALAN : 23

TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah baru yang perlu diambil bagi menjamin harga jualan barangan termasuk barangan makanan terkawal, tidak naik ke tahap yang membebankan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menangani isu kenaikan harga barang adalah merupakan agenda utama Kerajaan. Langkah yang telah diambil bagi menangani isu ini adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit. Dalam tempohmasa Januari 2008 hingga 20 April 2008 pula, sejumlah 328,352 pemeriksaan telah dijalankan meliputi premis pengilang, pengimport, pemborong, kedai runcit, pasaraya, pasar malam, pasar awam, kedai makan, kedai pakaian, kedai perabut dan lain-lain. Hasil daripada pemeriksaan ini, sebanyak 550 kes telah dihasilkan di bawah pelbagai akta yang dikuatkuasakan dengan nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM 731,055.95.

Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 9 jenis barang kawalan iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, susu pekat manis, roti (*standard white loaf*), ayam, minyak masak dan simen masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatat dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam DiRaja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah baru yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kenaikan harga dan inflasi ialah;

- (i) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini, beberapa cadangan telah dikemukakan. Antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

- (ii) Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak, tepung, besi dan simen. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkatkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946.

- (iii) Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk subsidi ke atas diesel dan petrol. Oleh yang demikian, sistem pengurusan subsidi akan dipertingkatkan supaya ketirisan penyaluran diesel dan petrol bersubsidi ini kepada golongan sasaran dapat dibanteras.

- (iv) Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunapakai iaitu:
 - a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta diselaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
 - b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan
 - c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

No: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. ~~21~~ 24.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk menggantikan dua sistem peperiksaan kemasukan universiti yang berlainan iaitu STPM dan Matrikulasi dengan satu sistem peperiksaan yang sama untuk semua pelajar Malaysia yang ingin memohon tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi tidak bercadang untuk mengadakan peperiksaan yang sama untuk kemasukan ke universiti kerana sistem meritokrasi dan kepelbagaian kemasukan ke universiti yang diamalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sekarang mampu menghasilkan graduan yang berkualiti. Ini kerana Program STPM dan Matrikulasi mempunyai kandungan khusus dan hasil pembelajaran (*learning outcomes*) yang setara iaitu untuk menyediakan pelajar bagi memperoleh pengetahuan asas yang cukup sebelum memasuki program pengajian Ijazah Pertama.

No: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD. TAIB (BALING)
TARIKH : 14.05.2008 (RABU)
SOALAN : 25

TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD. TAIB (BALING) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa dari sebelum Pilihan Raya Umum ke 12 hingga ke hari ini bahan-bahan binaan seperti besi keluli dan bahan-bahan input pertanian seperti baja, racun serangga dan rumpai dan juga bahan makan asas seperti beras, ikan dan sayur telah meningkat naik dengan mendadak dan jika ya, apakah tindakan yang telah dan bakal diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menangani isu kenaikan harga barang adalah merupakan agenda utama Kerajaan. Langkah yang telah diambil bagi menangani isu ini adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit. Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 9 jenis barang kawalan iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung

gandum, susu pekat manis, roti (*standard white loaf*), ayam, minyak masak dan simen masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatat dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam Diraja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Peningkatan harga bahan makanan asas adalah berkait rapat dengan dengan kenaikan komponen input pertanian dan langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kenaikan kos input pertanian pula adalah:

(i) Menyediakan insentif pengecualian cukai atau elaun cukai di bawah Akta Pengalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran benih dan bahan tanaman, baka ternakan, benih akuakultur, pengeluaran tanaman untuk makanan ternakan dan pengeluaran ubat dan makanan ternakan yang menggunakan bioteknologi.

(ii) Memberi perlindungan kepada pengilang tempatan yang mengilang jenis-jenis baja kompaun dan racun rumpai dengan mengenakan duti import bagi bahan input berkenaan yang diimport. Sebagai contoh, baja kompaun yang mengandungi dua unsur atau tiga unsur (phosphorus, pottasium dan nitrogen) dikenakan duti import 5% kerana terdapat pengilang tempatan yang mengefluarkan baja-baja tersebut.

(iii) Bagi racun perosak juga, duti import 10% dikenakan untuk beberapa jenis racun rumpai kerana terdapat pengilang tempatan yang mengeluarkan racun-racun rumpai berkenaan dalam negara.

(iv) Menggalakkan petani serta syarikat untuk memproses baja kompos daripada sisa tanaman yang banyak terdapat dalam negara seperti jerami padi dan tandan kelapa sawit. Pemrosesan baja-baja organik daripada bahan-bahan lain juga digalakkan. Perladangan organik yang digalakkan dan pelaksanaan Skim Organik Malaysia dijangka akan menggerakkan pertumbuhan industri baja organik tempatan.

Kementerian juga telah memansuhkan kawalan harga bagi produk besi keluli mulai 12 Mei 2008 bagi memastikan industri besi keluli lebih kompetitif. Di samping itu, pengecualian permit import dan duti import ke atas besi keluli juga telah diberikan agar bekalan dapat diperolehi dari luar negara dan di mana penawaran serta permintaan akan menjadi penentu pasaran besi di Malaysia. Bagi simen pula, suatu mekanisme penetapan harga yang baru iaitu *Automatic Pricing Mechanisme*(APM) sedang dalam peringkat akhir kajian sebelum harganya diliberalisasikan.

NO. SOALAN : 26

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keseriusan perubahan iklim di negara ini termasuk hujan yang begitu kerap kali dalam tahun ini. Apakah yang dirancangkan oleh Kementerian agar kita dapat menghadapi krisis ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Fenomena perubahan iklim yang dialami oleh dunia sekarang boleh dikatakan serius. Ini adalah berasaskan laporan *United Nations Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC)* yang menunjukkan berlakunya perubahan iklim yang dihadapi oleh dunia dan Malaysia juga tidak terkecuali dari menghadapi kesannya. Dalam hal ini laporan tersebut juga menyatakan 90% kepastian bahawa aktiviti manusia telah menyumbang kepada perubahan iklim tersebut. Salah satu daripada kesan yang dialami ialah hujan lebat yang turun begitu kerap dan berpanjangan. Di samping itu, rata-rata terdapat peningkatan suhu global di antara 1.1 hingga 6.4 darjah celsius dari tahun 1990 hingga 2100. Purata aras laut dunia pula dijangka akan meningkat di antara 20 – 80 cm.

Kerajaan memandangkan serius mengenai perkara ini. Persiapan dan tindakan Kerajaan bagi menangani perubahan iklim dan impak daripadanya terbahagi kepada dua pendekatan iaitu **pendekatan mitigasi**

dan adaptasi. Pendekatan **mitigasi** adalah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan metana manakala pendekatan adaptasi ialah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan perubahan iklim kepada manusia dan alam sekitar.

Melalui pendekatan mitigasi, langkah-langkah yang diambil bukan sahaja oleh Kementerian ini tetapi juga Kementerian lain seperti Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi memandangkan isu perubahan iklim merentasi pelbagai sektor. Langkah-langkah mitigasi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke 9 dan juga dalam program-program yang berkaitan adalah seperti berikut:

- i. melindungi kawasan hutan melalui pengurusan hutan secara lestari (*sustainable forest management* – SFM) bagi memastikan kawasan hutan ini terus kekal menjadi penyerap atau sink kepada gas-gas rumah hijau;
- ii. meningkatkan bekalan dan penggunaan bahan api alternatif seperti tenaga yang boleh diperbaharui (RE- *renewable energy*);

- iii. penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui bagi menyumbang 350 megawatt daripada jumlah kesemua bekalan tenaga pada tahun 2010;
- iv. projek RE yang menggunakan sisa pepejal akan digalakkan;
- v. menggalakkan kecekapan penggunaan tenaga (*energy efficiency*) di sektor perindustrian, bangunan-bangunan dan juga sektor pengangkutan;
- vi. membekalkan sejumlah 55,000 unit rumah dengan tenaga elektrik menggunakan teknologi seperti sistem hibrid suria dan mini-hidro; dan
- vii. pelaksanaan kemudahan *Clean Development Mechanism* di bawah Protokol Kyoto untuk memberi sokongan kepada pelaksanaan Program Pembangunan Jana kuasa Kecil Tenaga Boleh Diperbaharui atau SREP (*Small Renewable Energy Programme*).

Langkah-langkah adaptasi yang dijalankan pula meliputi perkara-perkara berikut:

- i. melaksanakan program tebatan banjir seperti Projek *Stormwater Management And Road Tunnel* (SMART) dan juga membina kolam-kolam takungan;
- ii. memperkenalkan sistem pengurusan bersepadu lembangan sungai (*Integrated River Basin Management –IRBM*). Ini termasuk menguruskan sungai secara mesra alam (MASMA);
- iii. menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk menanam pokok-pokok bakau sebagai usaha menangani kesan kenaikan paras air laut dan pukulan ombak;
- iv. menjalankan kajian *Coastal Vulnerability Index* (CVI) yang boleh menjadi asas ketika mengambil langkah-langkah bagi menangani kesan kenaikan paras air laut kepada kawasan pesisiran pantai; dan
- v. membangunkan pengurusan zon pesisiran pantai bersepadu (*Integrated Coastal Zone Management*).

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menangani isu-isu yang timbul akibat daripada kesan perubahan iklim. Di samping itu, Kementerian juga akan menggiatkan kempen kesedaran alam sekitar dengan bekerjasama dengan pelbagai badan bukan kerajaan (NGOs) bagi menyedarkan orang awam dan juga para pelajar tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghadapi masalah perubahan iklim.

Sekian, terima kasih.

SULIT

NO. SOALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN

Y.B. Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dan bagaimana pengisytiharan aset-aset Ahli Kabinet akan dilakukan bagi meningkat ketelusan dan integriti pihak Eksekutif.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan sedia ada Anggota-Anggota Pentadbiran Kerajaan yang turut meliputi Ahli-Ahli Jemaah Menteri perlu mengisytiharkan pemilikan harta diri sendiri, isteri/suami, anak-anak dan pemegang amanah masing-masing kepada Y.A.B. Perdana Menteri setiap 2 tahun.

Pada 18 April 2008, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa semua Anggota Pentadbiran Persekutuan mengisytiharkan harta mereka kepada umum sepanjang memegang jawatan tersebut. Sehubungan itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah diminta untuk mengkaji dan menyediakan format dan kaedah pengisytiharan harta yang sesuai untuk diguna pakai berdasarkan "best practice" (dengan izin) negara-negara lain.

Langkah untuk memperkenalkan pengisytiharan umum pemilikan harta oleh semua Anggota Pentadbiran Persekutuan akan meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan. Langkah ini juga diharap akan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap integriti dan kewibawaan Anggota-anggota Pentadbiran yang telah dilantik untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 14 MEI 2008
RUJUKAN : 872

SOALAN:

**Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan adakah program untuk mengambil
anggota-anggota yang telah bersara berkhidmat kembali
memandangkan tidak ramai yang minat berkhidmat dengan PDRM.**

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Tanjong Manis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pegawai dan anggota polis untuk berkhidmat secara kontrak daripada pesara-pesara adalah menggalakkan dan mendapat sambutan melalui program yang sedang dijalankan seperti berikut:

- 1.1 PDRM melalui Cawangan Hal Ehwal Awam telah menyiarkan di dalam Media Massa, Televisyen, Radio dan malah melalui laman web PDRM berhubung pengambilan pesara secara kontrak.
- 1.2 PDRM sedang mengadakan 'Road Show' ke setiap kontinjen PDRM di seluruh negara untuk memberi taklimat dan juga penerangan kepada pesara-pesara polis dan juga bakal-bakal pesara polis yang akan bersara mulai tahun 2008.
- 1.3 PDRM telah menubuhkan pasukan "Task Force" iaitu satu Jawatankuasa Khas di peringkat pusat dan kontinjen bagi melaksanakan pengambilan pesara polis secara kontrak. Pesara polis boleh mendapatkan maklumat dan borang tawaran di kontinjen yang berdekatan.

1.4 PDRM juga mengenal pasti senarai pegawai dan anggota PDRM yang akan bersara melalui rekod personel perkhidmatan pegawai-pegawai berkenaan.

Bagi pelantikan fasa pertama, PDRM telah mengemukakan permohonan seramai 53 orang pegawai sebagai Pensyarah di Maktab PDRM Kuala Lumpur dan Tenaga Pengajar di PULAPOL Kuala Lumpur ke Agensi Pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) untuk diperakukan pelantikan mereka secara kontrak. Manakala seramai 24 pesara polis Anggota Pangkat Rendah (APR) bagi menjalankan tugas operasi di Balai-Balai Polis Komuniti juga sedang dalam tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP).

Sehingga kini, PDRM telah menerima lebih kurang 770 borang tawaran yang melibatkan pegawai dan anggota yang bersara pada tahun 2006, 2007 dan 2008 untuk berkhidmat secara kontrak. Bagaimanapun, pelaksanaan pelantikan ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut unjuran dan kekosongan perjawatan di Jabatan, Kontinjen, Daerah dan Briged.

Bagi tujuan pengambilan pesara-pesara polis secara kontrak dalam PDRM, satu dasar sedang dikaji dan akan disediakan bagi membolehkan pelantikan pegawai dan anggota polis yang bersara dan akan bersara untuk berkhidmat secara kontrak dalam PDRM dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur.

Untuk menampung kekurangan anggota dalam PDRM, dicadangkan juga supaya bekas anggota tentera diambil untuk berkhidmat dalam PDRM. Ini kerana bekas anggota tentera yang bersara dalam usia yang masih muda mempunyai keadaan fizikal serta kesihatan yang baik. Bagaimanapun, pengambilan pesara-pesara tentera hanya boleh diambil berkhidmat melalui proses pengambilan biasa mengikut iklan tawaran yang dikeluarkan oleh PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- a) sungguhpun ada seksyen 6 Akta Peminjam Wang 2003 dan Peraturan 8, Peraturan-peraturan (Pengawalan dan Perlesenan) Pinjaman Wang 2003 yang mewajibkan iklan-iklan oleh peminjam wang diluluskan oleh Pendaftar, apakah sebabnya banyak iklan meminjam wang didapati sekarang di merata tempat; dan
- b) sekiranya iklan-iklan ini tidak diluluskan, apakah tindakan yang telah diambil dan berapa peminjam wang (berlesen dan tidak berlesen) telah dituduh di mahkamah, termasuk di bawah seksyen 5(1).

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Izinkan saya memperbetulkan nama Akta dan Peraturan-Peraturan yang diguna pakai pada ketika ini ialah Akta Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Perlesenan) 2003 dan bukannya Akta Peminjam Wang 2003 dan Peraturan-Peraturan (Pengawalan dan Perlesenan) Pinjaman Wang 2003.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Perlesenan) 2003, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diperuntukan masa untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan bagi permit iklan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan yang berkaitan. Kementerian hanya membenarkan Pemberi Pinjam Wang berlesen sahaja untuk menyiarkan atau menerbitkan iklan tertakluk kepada Seksyen II, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) dan Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Perlesenan) 2003. Sehubungan itu, KPKT memandang serius terhadap isu iklan Pemberi Pinjam Wang yang ditampal di merata-rata tempat.

KPKT sedang dan akan mengambil tindakan berterusan ke atas Pemberi Pinjam Wang yang tidak memiliki lesen untuk menjalankan perniagaan Pemberi Pinjam Wang. Tindakan tersebut meliputi juga ke atas pemegang lesen Pemberi Pinjam Wang yang menyiarkan atau menerbitkan iklan perniagaan mereka tanpa mendapat kelulusan Pendaftar.

Penyemakan iklan dan brosur yang melibatkan Pemberi Pinjam Wang berlesen dan tidak berlesen telah dimulakan pada bulan September 2007. Semakan iklan dan brosur tersebut dilakukan ke atas akhbar-akhbar harian utama dan edaran-edaran di tempat awam bagi memastikan setiap iklan itu adalah mematuhi syarat-syarat permit iklan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Perlesenan) 2003.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT YANG KEDUA BELAS
PENGKAL PERTAMA, MESYUARAT PERTAMA
2008**

TARIKH: 14 MEI 2008

Soalan.

Dato' Haji Abdul Halim Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap kemerdekaan negara Kosovo dan nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua

Perdana Menteri Kosovo, Encik Hashim Thaci telah membuat Perisytiharan Kemerdekaan Kosovo pada hari Ahad, 17 Februari 2008 dalam satu sidang luar biasa Dewan Kosovo (*Kosovo Assembly*). Serbia merupakan negara pewaris mutlak bekas Yugoslavia dan Kosovo yang sebelum ini adalah sebahagian daripada Serbia. Reaksi Kerajaan Serbia seperti yang diduga menganggap Perisytiharan Kemerdekaan Kosovo secara unilateral sebagai batal dan tidak sah (*null and void*).

Tuan Yang Di-Pertua

Setakat ini sejumlah 36 negara telah memberi pengiktirafan kepada Kosovo. Antara negara-negara anggota OIC yang telah mengiktiraf kemerdekaan Kosovo adalah Afghanistan, Albania, Senegal dan Turki.

Malaysia mengalu-alukan kemerdekaan Kosovo pada 20 Februari 2008. Malaysia percaya pengisytiharan kemerdekaan ini memenuhi aspirasi rakyat Kosovo dan menjamin hak semua rakyat untuk hidup dalam keadaan aman, bebas dan stabil. Malaysia menyeru supaya semua pihak terus bekerjasama untuk menjamin kedamaian dan kestabilan Kosovo dan rantau Balkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia akan terus meneliti dan memantau perkembangan dan situasi di Kosovo. Negara Kosovo sedang dalam proses mewujudkan institusi-institusi kerajaannya. Kerajaan akan menilai perkembangan-perkembangan ini dan membuat keputusan yang sewajarnya nanti berkenaan hubungan diplomatik dan penyelesaian hubungan diplomatik dengan negara Kosovo.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]
TARIKH : 14 MEI 2008
RUJUKAN : 873

SOALAN:

**Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes jenayah yang dapat
diselesaikan sepanjang 2005, 2006, 2007 mengikut kategori dan
negeri serta bentuk hukuman yang telah dikenakan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pendang yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jenayah Indeks dibahagikan kepada dua kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda. Jenayah Kekerasan adalah meliputi kes-kes jenayah seperti bunuh, samun, rogol dan mencederakan manusia. Manakala kes Jenayah Harta Benda pula meliputi kes-kes pecah rumah, curi dan ragut.

Tuan Yang Dipertua,

Daripada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jenayah Indeks yang dapat diselesaikan pada tahun 2005 adalah 76,209 kes. Pada tahun 2006 pula sebanyak 73,281 kes dan 2007 sebanyak 82,270 kes.

Pada tahun 2005, PDRM telah berjaya menyelesaikan kes-kes Jenayah Kekerasan di negeri Perlis 64 kes, Kedah 557 kes, Pulau Pinang 757 kes, Perak 851 kes, Kuala Lumpur 1,816 kes, Selangor 3,860 kes, Negeri Sembilan 526 kes, Melaka 425 kes, Johor 2,181 kes, Kelantan 291 kes, Terengganu 206 kes, Pahang 230 kes, Sabah

747 kes dan Sarawak 446 kes. Keseluruhannya, Jenayah Kekerasan pada 2005 yang berjaya diselesaikan adalah 12,957 kes.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi kes Jenayah Harta Benda jumlah kes yang berjaya diselesaikan di Perlis adalah 280 kes, Kedah 3,978 kes, Pulau Pinang 4,868 kes, Perak 4,115 kes, Kuala Lumpur 8,459 kes, Selangor 16,705 kes, Negeri Sembilan 2,452 kes, Melaka 1,865 kes, Johor 8,492 kes, Kelantan 2,036 kes, Terengganu 2,307 kes, Pahang 1,364 kes, Sabah 2,468 kes dan Sarawak 3,927 kes. Secara keseluruhannya kes Jenayah Harta Benda yang dapat diselesaikan pada tahun 2005 adalah 63,252 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, bagi jumlah kes yang dapat diselesaikan di bawah Jenayah Kekerasan pada tahun 2006 adalah sebanyak 25,453 kes. Manakala bagi mengikut pecahan negeri-negeri di Perlis 147 kes, Kedah 1,193 kes, Pulau Pinang 1,789 kes, Perak 1,663 kes, Kuala Lumpur 3,260 kes, Selangor 7,028 kes, Negeri Sembilan 1,081 kes, Melaka 1,023 kes, Johor 3,333 kes, Kelantan 829 kes, Terengganu 591 kes, Pahang 735 kes, Sabah 1,361 kes dan Sarawak 1,420 kes.

Bagi kes-kes Jenayah Harta Benda pula, Perlis mencatatkan kes selesai sebanyak 159 kes, Kedah 2,494 kes, Pulau Pinang 3,391 kes, Perak 2,980 kes, Kuala Lumpur 5,114 kes, Selangor 13,628 kes, Negeri Sembilan 1,569 kes, Melaka 1,669 kes, Johor 7,875 kes,

Kelantan 1,207 kes, Terengganu 1,567 kes, Pahang 1,212 kes, Sabah 2,263 kes dan Sarawak 2,790 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2007 pula, Kontinjen Perlis berjaya menyelesaikan 78 kes kekerasan dan 250 kes harta benda, Kedah 1,107 kes kekerasan dan 4,212 kes harta benda, Pulau Pinang 1,401 kes kekerasan dan 4,968 kes harta benda, Kuala Lumpur 3,244 kes kekerasan dan 7,819 kes harta benda, Selangor 6,253 kes kekerasan dan 16,911 kes harta benda, Negeri Sembilan 626 kes kekerasan dan 2,478 kes harta benda, Melaka 479 kes kekerasan dan 1,836 kes harta benda, Johor 2,642 kes kekerasan dan 9,249 kes harta benda, Kelantan 504 kes kekerasan dan 2,431 kes harta benda, Terengganu 337 kes kekerasan dan 2,379 kes harta benda. Pahang 454 kes kekerasan dan 1,432 kes harta benda, Sabah 732 kes kekerasan dan 1,729 kes harta benda serta Sarawak 684 kes kekerasan dan 3,831 kes harta benda. Secara keseluruhannya, pada tahun 2007 sebanyak 19,592 kes kekerasan dan 62,678 kes harta benda dapat diselesaikan oleh PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Bentuk hukuman yang dikenakan kepada individu-individu yang didapati melakukan jenayah adalah di bawah keputusan Mahkamah walau pun undang-undang memperuntukkan hukuman-hukumannya. Secara umumnya Mahkamah akan menjatuhkan hukuman seperti

Perintah Pengawasan Polis; denda; denda atau penjara; penjara; penjara dan denda; penjara dan sebatan rotan; dan hukuman mati.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH

KAWASAN : KELANA JAYA

TARIKH : 14 MEI 2008

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) apakah alasan Kerajaan menghentikan perbincangan dengan Volkswagen mengenai pengambil alihan Proton?; dan
- (b) berapa lama lagi Kerajaan bercadang untuk menyediakan perlindungan kepada Proton dan kos yang telah dibebani?

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan mengambil keputusan untuk menghentikan rundingan dengan Volkswagen AG kerana mahu memberi peluang kepada Proton untuk memulihkan prestasi

kewangannya terlebih dahulu. Kerajaan berpendapat selepas Proton dapat dipulihkan, syarikat kereta nasional tersebut akan berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk memeterai perjanjian lebih seimbang dan menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Tindakan untuk menghentikan rundingan itu juga dibuat memandangkan Proton kelihatan mula berpulih dari segi kewangan dengan jumlah jualan mencatat peningkatan yang ketara. Sebagai contoh, jumlah tempahan model terbaru Proton Pesona, telah merekodkan tempahan sebanyak 22,000 unit dalam masa dua bulan pertama pengenalannya.

Berdasarkan perkembangan positif itu, pihak Kerajaan percaya Proton harus diberi peluang sama seperti yang diberi kepada Malaysian Airline System Berhad (MAS) untuk melaksanakan plan pemulihan yang telah dirangkanya bagi memulihkan kedudukan kewangan di samping dapat meningkatkan lagi tahap kecekapan operasi dan kualiti produk.

Kerajaan menggariskan usaha-usaha selaras dengan Dasar Automotif Nasional untuk meningkatkan daya saing industri automotif negara termasuk pengeluar kenderaan nasional, iaitu PROTON dan PERODUA. Usaha-usaha seperti pemberian insentif dan geran serta latihan teknikal menerusi rakan strategik antarabangsa turut dikongsi oleh keseluruhan industri.

Liberalisasi ke atas industri automotif sedang dilakukan secara progresif seperti yang dilakukan menerusi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang sedang dirunding atau yang telah ditandatangani Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN : TUAN HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana kedudukan prestasi projek-projek Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9) sehingga kini khususnya bagi Negeri Pahang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Projek-projek pembangunan RMK9 yang dirancang dilaksanakan di negeri Pahang adalah bernilai **RM10.004 billion**. Sehingga 24 April 2008, jumlah peruntukan yang telah diagihkan untuk negeri Pahang adalah sebanyak **RM5,504,175,401.65** dan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat dari peruntukan tersebut ialah sebanyak **RM2,055,228,304.03** atau **37.34%**. Prestasi perbelanjaan peruntukan RMK9 bagi Negeri Pahang mengikut tahun adalah seperti berikut :-

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Belanja
2006	1,331,466,919.27	1,013,564,918.87	76.12
2007	2,111,442,619.00	907,459,309.00	42.98
2008	2,061,265,863.38	134,204,076.16	6.51
JUMLAH	5,504,175,401.65	2,055,228,304.03	37.34

Jumlah program/projek RMK9 ialah sebanyak **1,829** dan status pelaksanaan sehingga 24 April 2008 adalah seperti berikut:-

Belum Mula : 401
Ikut Jadual : 1056
Lewat Jadual : 110
Dahulu Jadual : 179
Sudah Siap : 83

JUMLAH: 1829

NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
TARIKH : 14 MEI 2008

Soalan :

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH minta **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan Persekutuan dapat meningkatkan lagi bidang keusahawanan dan perniagaan di kalangan Bumiputera khususnya di Limbang.

Jawapan :


Tuan Yang Dipertua,


Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) melalui agensi-agensinya telah menyediakan pelbagai program keusahawanan melalui pembudayaan dan latihan keusahawanan, peluang-peluang perniagaan, khidmat sokongan dan pembiayaan kepada usahawan-usahawan. Antara program-program yang disediakan oleh Kementerian untuk usahawan-usahawan di Limbang menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) adalah seperti berikut :

- i) Penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan Bahagian (MPUB) Limbang.
- ii) Seminar Usahawan bagi membuka peluang-peluang perniagaan.
- iii) Kursus Asas Perniagaan.
- iv) Kursus Komputer seperti International Computer Driving License , Auto Computer Aided Design dan ;
- v) Kursus Perakaunan Untuk Peruncitan Kecil Dan Sederhana

Manakala program-program yang dijalankan oleh Bank SME pula ialah :

- i) Ekspo Usahawan Limbang; dan
- ii) Seminar SME Bank Bersama Usahawan bagi membuka peluang dan memberi pembiayaan.

Disediakan oleh : 
 Norjahari binti Ibrahim
 PP (PN) 7
 No. Tel Pejabat : 03-88805205
 No. H/P : 012-3467311

Disemak oleh : 
 Mohd Sakri bin Saleh
 KPP (PN) 4
 No. Tel Pejabat : 03-88805556
 No. H/P : 013-3448496

Diluluskan oleh :  
 Dato' Musa bin Muhammad
 KSU

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN LEE CHEE LEONG

TARIKH: 14 MEI 2008

SOALAN:

TUAN LEE CHEE LEONG [Kampar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pengaliran tenaga-tenaga profesional negara kita ke negara-negara luar, sedangkan negara kita memerlukan golongan-golongan ini untuk terus berkhidmat di negara kita demi pembangunan negara.

PR-1211-L11682

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan perdagangan terbuka di era globalisasi, rakyat mempunyai hak dan kebebasan untuk memilih pekerjaan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kerajaan tidak menghalang mana-mana pihak untuk bekerja di luar negara. Di antara faktor-faktor yang mendorong sebahagian golongan profesional tempatan bekerja di luar negara adalah seperti berikut:

1. Gaji lumayan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di luar negara seperti Singapura, Timur Tengah, Eropah dan Amerika Syarikat, mendorong golongan profesional dalam bidang seperti perubatan, hospitaliti, pembinaan, kewangan, perniagaan, ICT, dan kejururawatan bekerja di negara tersebut;

2. Keinginan di kalangan pelajar Malaysia untuk bekerja di luar negara bagi menimba pengalaman, meningkatkan kemahiran dan memperoleh pendapatan yang tinggi setelah menamatkan pengajian.

Pada masa ini, KSM belum mengadakan langkah-langkah tertentu untuk menyekat pengaliran tenaga profesional ke luar negara. KSM berpendapat, mereka yang bekerja di luar negara akan dapat menimba pengalaman, kemahiran profesional dan ilmu pengetahuan yang berguna yang boleh dimanfaatkan untuk kemajuan dan pembangunan negara apabila mereka pulang ke tanah air kelak.

Dalam pada itu, KSM melaksanakan **Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Pulang Ke Malaysia** untuk menarik golongan berkepakaran Malaysia yang berada di luar negara supaya pulang ke tanah air. Pelbagai insentif disediakan bagi menggalakkan mereka kembali bekerja di negara ini. Kajian juga sedang dijalankan bagi meningkatkan keberkesanan program ini.

Selain KSM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga melaksanakan Program '*Brain Gain*' yang bertujuan untuk menarik pakar-pakar Malaysia dalam bidang-bidang tertentu untuk berkongsi kepakaran mereka. Antara golongan yang diberi keutamaan di bawah program ini adalah:

Saintis;

Jurutera; dan

Pengkaji-pengkaji dalam bidang bioteknologi, pertanian, aeroangkasa dan *advanced manufacturing*.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA : PUAN CHUA SOON BUI
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 14.05.2008
SOALAN NO : 36

Puan Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Kementerian merancang untuk membina sebuah Wisma Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Tawau, memandangkan Tawau merupakan laluan utama ke Indonesia di mana perniagaan tukar-menukar barangan dan pelancongan membawa pendapatan bulanan sebanyak berjuta-juta ringgit.

JAWAPAN :

Tuan yang Dipertuá,

Kementerian Kewangan buat masa ini tidak ada rancangan untuk membina sebuah Wisma Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Tawau. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan bersedia memberi pertimbangan untuk menimbang projek ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

SOALAN NO:PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang aduan awam berhubung kehilangan nama pemilih dan perpindahan alamat semasa pilihan raya umum 2008 serta kesalahan-kesalahan pilihan raya yang berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah menerima sebanyak 258 aduan mengenai kehilangan nama pengundi dan pertukaran alamat dari daftar pemilih semasa pilihan raya umum 2008. Hasil siasatan yang dibuat ke atas kehilangan 194 nama pemilih, SPR mendapati bahawa nama-nama pemilih tersebut telah dikeluarkan dari daftar pemilih disebabkan beberapa faktor seperti status pemilih diragui, di mana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengesahkan bahawa nombor kad pengenalan pemilih berkenaan

tidak ada di dalam pangkalan data di JPN, nombor kad pengenalan pemilih adalah kepunyaan orang lain dan nombor kad pengenalan pemilih telah disahkan oleh JPN sebagai telah meninggal dunia.

Susulan daripada aduan-aduan tersebut, SPR telah merujukannya kepada JPN untuk pengesahan kesahihan status masing-masing. Hasil siasatan yang dibuat oleh JPN mendapati bahawa 149 kes aduan adalah sebenarnya kesilapan pendataan dan rekod di JPN membuktikan mereka adalah warganegara Malaysia dan layak dimasukkan semula ke dalam daftar pemilih. Untuk itu, tindakan akan diambil oleh Ketua Pendaftar berdasarkan kepada Peraturan 25(1) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 untuk memasukkan semula 149 nama-nama pemilih berkenaan ke dalam daftar pemilih suku tahun kedua 2008. Manakala bakinya sebanyak 14 kes lagi itu sedang dalam siasatan pihak JPN untuk mengesahkan kesahihan maklumat sama ada mereka layak dimasukkan semula ke dalam daftar pemilih ataupun sebaliknya.

Daripada 64 kes aduan pertukaran alamat, SPR telah menyemak dengan rekod sejarah permohonan pendaftaran pemilih dan

mendapati 39 kes disahkan terdapat permohonan pertukaran alamat dibuat manakala 25 kes aduan tersebut adalah palsu kerana tidak ada rekod pertukaran alamat dibuat sejak permohonan pertama dilakukan. Bagi 39 kes yang mempunyai rekod pertukaran alamat, SPR sedang membuat siasatan. Jika didapati pertukaran yang dibuat itu bukan atas kehendak pemilih sendiri, nama tersebut akan dikembalikan ke alamat asal.

Bagi kes-kes kesalahan pilihan raya, ianya perlu dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HENRY SUM AGONG
(LAWAS)**

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan cawangan Kementerian sendiri di setiap negeri.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sememangnya bercadang untuk menubuhkan cawangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sendiri di setiap negeri. Ia bertujuan untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada supaya ia lebih menjurus kepada memenuhi tuntutan masyarakat atau kumpulan sasar di kawasan luar bandar. Cadangan ini telah dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
**DARIPADA : Y.B. TUAN JOHARI
BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**
TARIKH : RABU, 14 MEI 2008
RUJUKAN : 009
SOALAN :

**Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan:**

- a) Siapakah pemaju projek Kompleks Pudu Raya/Plaza Rakyat, Kuala Lumpur yang telah lama terbengkalai; dan
- b) Berapa kos projek tersebut dan bilakah projek tersebut dijangka disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani, projek Plaza Rakyat Kuala Lumpur yang lebih dikenali sebagai Projek Pembangunan Plaza Rakyat merupakan projek usaha sama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan **pemaju iaitu Tetuan Plaza Rakyat Sdn. Bhd. (PRSB)** yang ditandatangani pada 16

Disember 1992. Tanah untuk dibangunkan adalah milik DBKL dan PRSB menanggung segala kos pembangunan. Syarikat PRSB merupakan syarikat milik penuh Wembley Industries Holding Sdn. Bhd. (WHIB).

Di bawah projek usaha sama ini, pihak DBKL tidak mengeluarkan perbelanjaan lain selain daripada kos tanah manakala **kos untuk kerja-kerja pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju.** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **kos asal pembinaan keseluruhan** bagi menyiapkan Projek Plaza Rakyat ini dianggarkan sebanyak **RM1.2 billion.**

Mengikut perancangan asal, pembangunan projek ini disiapkan dalam tempoh 6 tahun. Memandangkan projek ini tidak dapat disiapkan, maka tumpuan usaha yang dilaksanakan ialah bagi memulihkan pembangunan projek sehingga selesai.

Kedudukan projek pada masa ini ialah pihak DBKL **telah menerima cadangan *revised joint venture agreement*** dari sebuah syarikat lain yang bersetuju untuk mengambil alih segala tanggungan pemaju asal. Ketiga-tiga pihak tersebut kini berada diperingkat untuk memuktamadkan dan menandatangani satu *Memorandum of Understanding (MoU)* pada akhir bulan ini dan seterusnya mencapai persetujuan bagi menyambung semula pembangunan projek ini.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan rancangan yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian dalam usaha memberikan penjelasan kepada rakyat berkaitan dengan dasar isu bantuan dan program yang Kerajaan dilihat gagal menerangkan kepada rakyat tentang pelbagai perkara yang dilakukan oleh pelbagai Kementerian hingganak terdapat dikalangan rakyat melihat Kerajaan langsung tidak melakukan sesuatu untuk kepentingan rakyat terutama golongan bawahan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Selaras dengan tanggungjawabnya, Kerajaan terus melaksanakan projek, program serta inisiatif untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Saluran yang digunakan untuk menjelaskan kepada rakyat akan dasar dan program Kerajaan adalah melalui media arus perdana dan juga melalui pelbagai sesi penerangan di peringkat akar umbi oleh agensi-agensi Kerajaan.

Usaha-usaha penerangan tersebut boleh dikatakan sampai kepada majoriti rakyat dan difahami. Tidak timbul isu kegagalan dalam penerangan. Namun mungkin terdapat kekurangan dari segi penerimaan maklumat oleh sebilangan rakyat, terutamanya berkaitan isu-isu yang sensitif atau yang menghimpit kesejahteraan rakyat. Untuk itu, Kerajaan terus berusaha untuk memantapkan lagi usaha penerangan dan komunikasi bagi memperjelaskan kepada rakyat isu-isu yang berkaitan.

Selain itu, cara bagi meyakinkan rakyat tentang keprihatinan Kerajaan adalah melalui pelaksanaan program serta projek secara efisien dan efektif. Dalam hal ini, kesemua agensi Kerajaan telah disarankan untuk meningkatkan penyampaian dan pelaksanaan mereka, agar visi dan misi Kerajaan dapat dicapai dengan berkesan. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia KeSembilan umpamanya, projek serta

program yang memberikan manfaat terbesar kepada rakyat akan diutamakan, terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Kaedah saluran bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah juga sedang diperkemaskan lagi, agar golongan tersebut benar-benar dapat merasai nikmat bantuan tersebut. Disamping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji semula struktur subsidi agar manfaat subsidi itu dapat dinikmati oleh golongan sasaran utama, yakni golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Sekian, Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

**DARIPADA : DATO' WAN ABDUL RAHIM BIN WAN
ABDULLAH (KOTA BHARU)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 14.05.2008

YB Dato' Wan Abdul Rahim bin Wan Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan-kesan ke atas ekonomi negara ekoran peningkatan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dollar US.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) adalah disebabkan terutamanya oleh penyusutan nilai dolar AS yang ketara berikutan kelembapan ekonomi AS akibat masalah gadai janji subprima dan pertumbuhan sektor perumahan yang lebih perlahan. Pengukuhan mata wang berbanding dolar AS bukan hanya melibatkan ringgit Malaysia, tetapi juga melibatkan beberapa mata wang serantau. Sejak akhir 2007 sehingga 25 April 2008, Ringgit telah meningkat sebanyak 4.7% berbanding dolar AS, manakala beberapa mata wang serantau seperti mata wang Yuan Cina juga telah meningkat 4.4%, dolar Singapura 6.2%, dolar taiwan 6.4%, Yen 7.6% dan Euro 6.6% berbanding dolar AS.

2. Seperti mana ekonomi terbuka yang lain, kesan peningkatan nilai ringgit berbanding dolar AS adalah berbeza bagi sektor dalam ekonomi. Terdapat sektor yang memperoleh manfaat daripada pengukuhan ringgit dan terdapat juga sektor yang akan mengalami kesan sebaliknya. Pengimportan barangan dan perkhidmatan yang didenominasi dalam dolar AS akan menjadi lebih murah dengan penyusutan nilai dolar AS, dan ini dapat membantu mengurangkan tekanan inflasi. Kos pengimportan barangan modal seperti jentera dan peralatan pengangkutan yang didenominasi dalam dolar AS juga lebih rendah dan dengan itu akan menggalakkan pelaburan. Di samping itu, dengan peningkatan nilai ringgit, terdapat juga penjimatan pembayaran hutang luar negara yang didenominasi dalam dolar AS.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Peningkatan nilai ringgit berbanding dolar AS akan menyebabkan hasil eksport dalam denominasi dolar AS berkurangan apabila ditukar kepada mata wang ringgit. Eksport Malaysia dalam nilai dolar AS juga akan menjadi lebih mahal. Bagai mana pun, dalam menilai pertumbuhan eksport dan peranan pertukaran asing, berdasarkan kebanyakan kajian, kepentingan faktor permintaan luaran jauh mengatasi faktor pertukaran asing dalam menentukan prestasi eksport. Sebagai contoh, pada tahun 2007, penambahan nilai Ringgit adalah 6.8%, tetapi eksport Malaysia terus meningkat. Ini

menunjukkan bahawa faktor kadar pertukaran asing bukanlah faktor penghalang dalam pencapaian prestasi eksport.

4. Satu lagi faktor yang perlu dipertimbangkan ialah hakikat bahawa persekitaran global telah berubah. Pergantungan terhadap kadar pertukaran asing bagi meraih daya saing harga tidak melindungi eksport Malaysia daripada tekanan persaingan daripada pusat pengeluaran berkos rendah seperti China, India, Vietnam dan juga Eropah Timur. Para pengeksport, sebaliknya, perlu menumpukan kepada membina daya saing jangka panjang dalam pasaran antarabangsa melalui langkah-langkah pengurangan kos menjalankan perniagaan, peningkatan produktiviti, inovasi, penggunaan strategi pemasaran yang bersesuaian, dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU)
TARIKH : 14.5.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar tentang keengganan beberapa pihak sekolah di Sabah untuk mengadakan kelas pembelajaran bahasa Kadazandusun walaupun boleh diadakan kerana pembelajaran bahasa ini tidak termasuk dalam mata pelajaran UPSR. Apakah tindakan susulan bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Matapelajaran Bahasa Kadazandusun adalah matapelajaran tambahan. Oleh yang sedemikian murid yang mengambil matapelajaran ini boleh memilih untuk tidak mengambilnya sebagai matapelajaran yang diuji semasa peperiksaan awam seperti UPSR PMR atau SPM.

Setakat ini matapelajaran Bahasa Kadazandusun masih belum lagi diuji di peringkat UPSR. Walau bagaimanapun, ujian setara ala UPSR dijalankan di bawah kendalian Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

Kementerian Pelajaran sentiasa memantau perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa ini melalui pemantauan ke sekolah-sekolah yang dijalankan sepanjang tahun. Melalui pemantauan ini, pihak kami telah

menyarankan kepada pihak pengurusan sekolah agar melakukan promosi kepada ibu-bapa agar mendapat sokongan mereka. Guru-guru juga disarankan untuk mewujudkan satu jalinan kerja di antara satu sama yang lain. Di samping itu, pihak kami juga sedang giat membina beberapa buah bahan sokongan untuk digunakan oleh guru-guru di sekolah. Kursus-kursus juga dijalankan setiap tahun untuk membantu guru-guru memahami isi kandungan kurikulum mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dan juga untuk meningkatkan kemahiran guru-guru dalam pengajaran mereka. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalinkan hubungan kerja dengan *Kadazandusun Language Foundation* dan *Kadazandusun Cultural Association* dalam memantapkan dan memperkembangkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. PUAN CHONG ENG**
(BUKIT MERTA JAM)
TARIKH : **14.5.2008**

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTA JAM) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian sedar mengikut ketetapan Perancangan Desa dan Bandar, Negeri Pulau Pinang perlu menambah 13 buah SRJK(C) dalam tempoh 2006-2010. Apakah Kementerian akan mengkaji balik RMK-9 supaya penambahan SRJK(C) dikandungkan dalam RMK-9.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam hal ini, projek-projek pembangunan dirancang dan dilaksanakan berdasarkan bilangan penduduk sesuatu kawasan ataupun kewujudan kawasan perumahan baru. Di samping itu, KPM juga terus berusaha ke arah menyatupadukan rakyat dan salah satu pendekatan yang digunakan oleh KPM adalah dengan menubuhkan lebih banyak sekolah aliran perdana bagi semua golongan masyarakat selari dengan dasar pendidikan negara untuk mengekalkan perpaduan nasional melalui institusi pendidikan.

Namun, KPM tidak pernah mengabaikan sekolah-sekolah aliran lain khususnya bagi SJKC dan SJKT. Pelbagai usaha dan cara telah diberi bagi mengatasi masalah keperluan SJKC dan SJKT. Bagi SJKC sahaja, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), KPM telah memperuntukkan sebanyak RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada pembinaan dua buah SJKC, yang telah diluluskan oleh KPM dalam RMKe-9, pada Januari 2008 kerajaan juga telah meluluskan pembinaan 6 buah lagi SJKC baru. Di samping itu, bagi mengatasi masalah sekolah berenclomen besar di SJKC khususnya di kawasan kepadatan tinggi dan di bandar, dari tahun 1999 hingga Januari 2008, KPM telah meluluskan perpindahan sebanyak 75 buah SJKC yang mana sebahagian besar adalah sekolah kurang murid, ke kawasan yang mempunyai keperluan yang tinggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN:

YB TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT) minta PERDANA MENTERI menyatakan-

- (a) sebab-sebab keengganan Malaysia menjadi anggota Mahkamah Jenayah Antarabangsa (International Criminal Court); dan
- (b) senaraikan terma-terma yang boleh diterima pakai atau yang tidak sesuai semasa rundingan diadakan setakat ini.

CADANGAN JAWAPAN:

Soalan (a)

1. Pada prinsipnya, Malaysia menyokong pewujudan Mahkamah Jenayah Antarabangsa sebagai tribunal jenayah antarabangsa tetap pertama untuk memastikan bahawa jenayah antarabangsa serius seperti genosid, jenayah perang, *crimes against humanity* dan *crimes of aggression* yang dilakukan dalam situasi persengketaan bersenjata tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya.
2. Namun demikian, dalam memutuskan tentang penyertaan, Malaysia wajar melihat terlebih dahulu keberkesanan Mahkamah Jenayah Antarabangsa itu dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya, termasuk menghormati kedaulatan Negara Pihak dan Negara bukan Pihak. Malaysia juga wajar menimbangkaedah terbaik untuk memenuhi komitmennya kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa itu sebagai suatu Negara Pihak.
3. Dalam hal ini, tindakan paling berkesan yang boleh diambil ialah untuk memastikan bahawa rangka perundangan negara dikemaskinikan untuk membolehkan pendakwaan dibuat terhadap jenayah sedemikian, sama ada dilakukan di dalam atau di luar sesuatu negara, mengikut prinsip undang-undang antarabangsa.
4. Perbincangan di peringkat Kementerian dan agensi telah pun dijalankan dari tahun 2002 hingga bulan Mac 2006. Lebih daripada 20

mesyuarat telah diadakan yang melibatkan Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Pertahanan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (kini telah diserap menjadi Kementerian Dalam Negeri), Kementerian Luar Negeri, Badan Pencegah Rasuah, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara.

5. Kajian telah selesai dijalankan dan perbincangan selanjutnya untuk tindakan seterusnya khususnya penyertaan Malaysia kepada Statut Rom akan diadakan pada 24 Jun 2008 dengan semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Keputusan sama ada untuk menyertai Statut Rom memerlukan pembentangan Kertas Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan dasar Jemaah Menteri. Sekiranya Kerajaan mengambil keputusan untuk menyertai Statut Rom, maka Rang Undang-Undang bagi pelaksanaannya perlulah digubal.

Soalan (b)

1. Walaupun Malaysia bukan Negara Pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa, Malaysia masih boleh mempertimbangkan untuk membenarkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa melaksanakan bidang kuasanya ke atas sesuatu kesalahan (sekiranya berlaku di Malaysia) berdasarkan peruntukan di bawah Artikel 4(2) Statut Rom. Peruntukan tersebut membolehkan Negara-Negara Bukan Ahli untuk menandatangani persetujuan khas dengan Mahkamah Jenayah Antarabangsa khususnya untuk tujuan itu.

2. Pada amnya, peruntukan Statut Rom dan kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang berikut memerlukan kajian dan perhatian yang teliti dan mendalam sebelum dibuat apa-apa keputusan mengenai penyertaan Malaysia:

- (a) kesan terhadap kedaulatan Negara di bawah Prinsip *Complementarity* dalam Statut Rom;
- (b) kesan terhadap sistem perundangan tempatan;
- (c) tidak mengambil kira jawatan rasmi;
- (d) mekanisme pendakwaan di bawah Statut Rom; dan
- (e) ketiadaan opsyen untuk membuat reservasi terhadap peruntukan tertentu Statut Rom.

3. Kesimpulannya, isu penyertaan Malaysia dalam Mahkamah Jenayah Antarabangsa perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya dengan mengambil kira isu berbangkit yang menimbulkan implikasi perundangan yang serius terhadap kedaulatan Malaysia, kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri-Menteri yang berkaitan bagi jenayah antarabangsa di bawah bidang kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa serta tatacara jenayah dalaman Malaysia. Sementara itu, perkembangan kes-kes yang dibawa ke hadapan Mahkamah Jenayah Antarabangsa juga perlu dipantau dengan lebih teliti untuk melihat keputusan dan tindakan yang bakal diambil oleh Mahkamah Jenayah Antarabangsa serta kesannya kepada kedaulatan negara yang diadili dan sama ada Mahkamah Jenayah Antarabangsa akan terus akur kepada kehendak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sedangkan Mahkamah itu merupakan badan kehakiman antarabangsa yang bebas.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Soalan (a)

1. Statut Rom yang menubuhkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa telah mula bekuat kuasa pada 1 Julai 2002. Setakat 14 Mac 2008, 106 buah Negara telah menjadi Negara Pihak kepada Statut Rom tersebut.
2. Malaysia telah menyertai beberapa sesi rundingan mengenai Statut Rom untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam tentang tujuan, fungsi dan kaedah pengendaliannya, khususnya berhubung dengan isu bidang kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Akhirnya Malaysia telah menandatangani *Final Act* Statut Rom pada 17 Julai 1998 untuk membolehkannya menyertai kumpulan-kumpulan kerja khas yang bakal ditubuhkan di bawah Mahkamah Jenayah Antarabangsa khususnya Kumpulan Kerja Khas mengenai *Crime of Aggression* (SWGCA).
3. Jabatan Peguam Negara telah diarahkan untuk menerajui kajian tentang kehendak dan kewajipan Negara Pihak di bawah Statut Rom, dan khususnya dari segi implikasi kehendak dan kewajipan tersebut kepada Malaysia dan kebolehterimaan kesan berbangkit kepada dasar dan undang-undang Negara.

Soalan (b)

1. Terdapat perbezaan ketara antara tindakan yang diambil oleh sesuatu negara berhubung dengan kejadian di wilayahnya sendiri dan

tindakan yang diambil oleh suatu badan asing antarabangsa dalam suatu Negara berdaulat, khususnya jika ia mempunyai tujuan dan kaedahnya tersendiri, dan apabila campurtangan (*intervention*) itu bersandarkan keputusan pertubuhan antarabangsa berunsur politik seperti Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

2. Sehubungan dengan itu, Malaysia telah memilih pendekatan berhati-hati untuk melihat bagaimanakah Mahkamah Jenayah Antarabangsa akan melaksanakan fungsi dan bidang kuasanya dalam menyiasat dan mendakwa kes-kes jenayah antarabangsa di serata dunia, seperti di Republik Demokratik Congo, Sudan dan Republik Afrika Tengah.

3. Peruntukan Statut Rom dan kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang memerlukan kajian dan perhatian teliti adalah seperti yang berikut:

3.1 Kesan terhadap kedaulatan Negara di bawah Prinsip *Complementarity* dalam Statut Rom

3.1.1 Merujuk kepada Artikel 1 Statut Rom, Prinsip *Complementarity* bertujuan untuk memelihara kedaulatan negara di mana Mahkamah Jenayah Antarabangsa tidak boleh mengambil bidang kuasa sesebuah Negara. Sebaliknya, prinsip tersebut bertujuan untuk melengkapi bidang kuasa mahkamah-mahkamah tempatan melainkan jika Negara berkenaan enggan atau tidak berupaya melaksanakan siasatan atau

pendakwaan (“*unwilling or genuinely unable to carry out the investigation or prosecution*”) atau jika prosiding telah dilaksanakan dalam keadaan yang tidak selaras dengan matlamat untuk menghadapkan seseorang ke muka pengadilan (“*in a manner, which in the circumstance is inconsistent with an intent to bring the person to justice*”)

3.1.2 Malaysia mempunyai reservasi khususnya terhadap tafsiran dan aplikasi Prinsip *Complementarity* tersebut. Isu-isu yang dikhuatiri boleh dirumuskan seperti yang berikut:

3.1.2.1 Statut Rom mentakrifkan “*unwillingness*” sebagai cubaan untuk melindungi seseorang penjenayah daripada sabitan jenayah, penangguhan pengendalian kes yang tidak wajar atau ketidakbebasan atau berat sebelah yang memaparkan keengganan pihak berkuasa tempatan untuk membawa orang yang tertuduh ke muka pengadilan. Oleh sedemikian, pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa akan menentukan kriteria-kriteria tersebut sebagai institusi supranasional.

3.1.2.2 Sehubungan dengan itu, penglibatan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam proses keadilan negara tidak boleh dinafikan

kerana mahkamah itu akan menentukan "*precedent*" tentang apa yang dianggapnya sebagai perbicaraan jenayah tempatan yang berkesan atau tidak berkesan seperti yang kini berlaku di Sudan.

3.1.2.3 Tambahan lagi, Mahkamah Jenayah Antarabangsa akan menentukan faktor ketidakmampuan ("*inability*") sesebuah negara, sama ada sekiranya negara tersebut tidak dapat menahan penjenayah atau mengumpul bukti dan keterangan untuk melaksanakan perbicaraan oleh kerana sistem keadilan negara tersebut telah runtuh atau tidak dapat berfungsi dengan berkesan.

3.1.2.4 Kesubjektifan konsep "*unwilling*" atau "*genuinely unable*" akan menyebabkan kedaulatan sesebuah negara dikompromi jika Mahkamah Jenayah Antarabangsa menganggap bahawa negara tersebut enggan atau tidak mampu untuk melaksanakan pendakwaan walau apa pun penjelasan negara itu.

3.2 Kesan terhadap sistem perundangan tempatan

3.2.1 Di bawah Statut Rom, Mahkamah Jenayah Antarabangsa mempunyai bidang kuasa ke atas "*the most serious crimes of international concern*" iaitu jenayah genosid (*crimes of genocide*), jenayah terhadap kemanusiaan (*crimes against humanity*), jenayah peperangan (*war crimes*) dan jenayah pencerobohon (*crime of aggression*) (belum ditakrifkan).

3.2.2 Adalah diperhatikan bahawa takrifan yang diberi kepada jenayah genosid, jenayah terhadap kemanusiaan dan jenayah peperangan adalah lebih luas daripada apa yang lazim diterima pakai dalam undang-undang antarabangsa. Takrifan yang kabur serta meluas yang diberi kepada jenayah-jenayah tersebut hanya akan memberikan kebebasan yang tidak terkawal kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa untuk menentukan bidang kuasanya.

3.2.3 Adalah dikhuatiri jika Mahkamah Jenayah Antarabangsa membentuk tafsirannya sendiri terhadap undang-undang antarabangsa, ini akan mengurangkan budi bicara serta peluang bagi negara-negara untuk bebas menyuarakan dan membentuk tafsiran mereka sendiri.

3.2.4 Dalam hal ini juga Malaysia masih dalam proses untuk menggubal undang-undang khusus yang meliputi jenayah di bawah Statut Rom.

3.3 Tidak mengambil kira jawatan rasmi

3.3.1 Artikel 27 Statut Rom memperuntukkan bahawa kekebalan (*immunity*) atau peraturan-peraturan khas yang terpakai bagi seseorang dalam jawatan rasminya di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa tidak boleh menghalang Mahkamah Jenayah Antarabangsa daripada melaksanakan bidang kuasanya ke atas individu tersebut. Dalam hal ini isu kekebalan Yang di-Pertuan Agong atau Pemerintah di bawah Perlembagaan Persekutuan akan perlu dikaji secara terperinci.

3.3.2 Sehubungan dengan itu, Malaysia juga mengambil maklum pendekatan yang diambil oleh negara-negara United Kingdom dan Belanda yang turut mempunyai sistem monarki di mana negara-negara tersebut menyatakan bahawa sebagai Pemerintah yang berdaulat, Raja atau Permaisuri mereka tidak mungkin akan melakukan jenayah yang amat kejam seperti yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, pendekatan tersebut tidak menyelesaikan masalah bahawa Mahkamah Jenayah Antarabangsa dan Pendakwa

Mahkamah Jenayah Antarabangsa mungkin mempunyai pandangan yang berlainan mengenai sesuatu kes.

3.4 Mekanisme pendakwaan di bawah Statut Rom

3.4.1 Di bawah peruntukan Artikel 15 Statut Rom, antara lainnya, Pendakwa Mahkamah Jenayah Antarabangsa diberi kuasa untuk menjalankan siasatan dan mengumpul keterangan dalam wilayah Negara Pihak. Sistem ini berdasarkan "*civil law system*" yang diamalkan oleh kebanyakan negara di Eropah, Afrika dan Amerika Selatan yang mana tidak konsisten dengan "*common law system*" yang diamalkan oleh Malaysia secara amnya, dan secara khususnya peruntukan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan budi bicara Peguam Negara untuk membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan jenayah. Sistem perundangan Malaysia tidak memberi kuasa untuk menyiasat kepada Pendakwa Raya atau pegawai pendakwa. Pemisahan fungsi tersebut mewujudkan beberapa tahap dalam proses membuat keputusan yang berfungsi sebagai mekanisme "*check and balance*" sebelum seseorang itu boleh dibicarakan di mahkamah.

3.4.2 Statut Rom membolehkan Pendakwa Mahkamah Jenayah Antarabangsa, yang bebas dan tidak tertakluk

kepada keputusan mana-mana Negara Pihak Statut tersebut, untuk memulakan siasatan dengan sendiri (*proprio motu*). Sehubungan dengan itu adalah dikhuatiri jika seseorang Pendakwa Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang agresif (dan/atau bermotivasikan politik) menggunakan kuasanya tanpa menghiraukan prinsip serta kelaziman yang diiktirafkan dalam undang-undang antarabangsa dan prosiding/perlindungan domestik. Peruntukan fungsi Pendakwa Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang bertindih ini (iaitu sebagai penyiasat dan pendakwa) juga membelakangkan Prinsip *Complementarity* tersebut. Budi bicara Peguam Negara yang dijalankan di bawah peruntukan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan boleh ditafsirkan oleh Pendakwa Mahkamah Jenayah Antarabangsa sebagai “*unwillingness*” oleh Malaysia untuk mengambil tindakan perundangan dalam sesuatu keadaan.

3.5 Reservasi

3.5.1 Artikel 120 Statut Rom memperuntukkan bahawa tiada reservasi boleh dibuat terhadap statut tersebut. Oleh yang demikian, sebarang usaha untuk memasukkan reservasi tidak boleh dibuat dari segi undang-undang. Ini bermakna negara-negara yang sungguhpun menyokong penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa, mungkin

tidak boleh meratifikasikan Statut Rom disebabkan halangan domestik dan perundangan yang serius.

3.5.2 Artikel 19 *Vienna Convention on the Law of Treaties* 1969 juga tidak membenarkan sebaran perumusan reservasi di mana sesebuah triti melarang membuat reservasi atau reservasi itu bercanggah dengan maksud dan tujuan triti tersebut.

NO. SOALAN: 45**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]****TARIKH : 14 MEI 2008****SOALAN:**

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang beliau maksudkan dengan kenyataan 6 Mac lalu bahawa Kerajaan akan memastikan bahawa sekiranya untuk menaikkan harga minyak, ia tidak akan membebankan rakyat dan apakah kaitannya dengan kenyataan bahawa kira-kira 4,000 pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau harga barangan mulai 1 April ini.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Dalam usaha Kerajaan untuk meringankan beban kewangan rakyat, subsidi petrol dan diesel di pam telah diperkenalkan. Struktur subsidi pada masa kini membolehkan pengguna awam memperolehi petrol dan diesel pada harga yang murah, manakala pengguna industri atau komersil pula memperolehi komoditi tersebut pada harga pasaran. Berikutan kenaikan harga minyak yang mendadak di pasaran dunia, jumlah subsidi bagi bahan api yang ditanggung telah meningkat tinggi, melebihi RM 33 bilion pada tahun 2007 sahaja. Ini merupakan beban kewangan yang tinggi bagi Kerajaan dan juga rakyat, kerana jika dibiarkan berlarutan, ianya akan mengurangkan keupayaan Kerajaan untuk memperuntukkan dana bagi tujuan perbelanjaan pembangunan. Sebagai perbandingan, perbelanjaan Kerajaan untuk projek serta program pembangunan adalah pada kadar purata RM 40 bilion sepanjang tempoh Racangan Malaysia KeSembilan (2006 – 2010). Dengan harga minyak di pasaran dunia mencecah USD 120 setong pada masa kini, struktur subsidi perlu dirobah ke arah menyediakan peruntukan pembangunan yang mapan serta mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Perbezaan harga di antara pengguna di pam dan pengguna industri/komersil ini telah menimbulkan gejala penyeludupan di mana terdapat individu atau syarikat tidak bertanggungjawab telah memperolehi bekalan minyak pada harga yang rendah, yang sepatutnya hanya dinikmati oleh pengguna awam. Selain itu, terdapat juga entiti yang menyeludup petrol dan diesel ke negara-negara jiran memandangkan harga minyak di pam di Malaysia adalah yang kedua terendah di rantau ini. Selain itu, harga di pam yang rendah ini juga menggalakkan pembaziran terutamanya kerana ianya juga dinikmati oleh pengguna-pengguna berpendapatan tinggi yang mempunyai lebih daripada satu kenderaan yang berkuasa besar. Ketirisan dan kebocoran seperti inilah yang menyebabkan sistem subsidi pada masa kini tidak mendatangkan faedah yang maksimum kepada golongan yang benar-benar memerlukannya.

Memandangkan tekanan harga minyak di pasaran dunia yang kian meningkat, Kerajaan sedang mengkaji semula sistem subsidi di pam agar ianya memberi manfaat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukannya yakni golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, sekiranya penstruktur semula sistem subsidi ini melibatkan kenaikan harga minyak, Kerajaan akan memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana tidak menerima akibat buruk dari segi beban kewangan.

Isu ini juga berkaitan dengan rancangan Kerajaan untuk melantik pegawai pemantau harga di seluruh negara bagi memantau pergerakan harga barang-barang pengguna. Kerajaan prihatin bahawa

sekiranya harga minyak di pam meningkat, tekanan inflasi juga akan turut meningkat terutamanya bagi harga barangan pengguna. Pegawai-pegawai pemantau harga ini akan memastikan bahawa harga barangan pengguna tidak meningkat secara tidak munasabah. Dalam hal ini, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas pengeluar atau peniaga tidak bertanggungjawab yang sengaja menaikkan harga barangan pengguna secara mendadak tanpa asas yang kukuh.

Kerajaan yakin dengan sistem subsidi yang lebih efisien dan efektif, beban kewangan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana, dapat diurus dengan lebih adil dan saksama, di kala tekanan inflasi barangan komoditi dunia terus meningkat.

Sekian, Terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y. B. TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan dan jumlah peruntukan Kerajaan untuk mengatasi banjir kilat di semua bandar di seluruh Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diperuntukkan sebanyak RM146 juta dan telah disalurkan kepada PBT bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur akibat kerosakan yang dialami semasa banjir pada Disember 2007 dan Januari 2008. Daripada jumlah yang diperuntukkan, sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk melaksanakan projek membaikpulih infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan PBT pada tahun 2007. Manakala sebanyak RM16 juta diperuntukkan untuk projek tebatan banjir di negeri Melaka pada tahun 2007. Keseluruhan peruntukan tahun 2007 sebanyak RM66 juta ini telah dibelanjakan.

Manakala baki sebanyak RM80 juta adalah peruntukkan yang disalurkan kepada PBT yang terlibat dengan banjir pada tahun 2008. Secara keseluruhannya, projek-projek ini sedang dalam pelaksanaan. Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti membaikpulih jalan, parit, longkang dan menaiktaraf dewan yang terjejas akibat bencana banjir.

Di samping itu, PBT turut disarankan untuk membuat pembersihan longkang daripada sampah sarap sepanjang masa bagi mengelakkan banjir kilat berlaku.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LILAH BIN YASIN
[JEMPOL]

BERTARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN :

TUAN LILAH BIN YASIN [JEMPOL] MINTA
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN
KENAPAKAH KEMENTERIAN TIDAK MEMBINA
JALAN EMPAT LORONG ANTARA SEREMBAN KE
BANDAR SERI JEMPOL, NEGERI SEMBILAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

**UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT,
KEMENTERIAN ADA PERANCANGAN UNTUK
MEMBINA JALAN EMPAT-LORONG DARI
SEREMBAN KE BANDAR SERI JEMPOL
SECARA BERPERINGKAT.**

**DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-9,
KEMENTERIAN SEDANG MENAIKTARAF
LALUAN 51 DARI SIMPANG SENAWANG KE
BUKIT PUTUS YANG DIJANGKA DAPAT SIAP
PADA PERTENGAHAN TAHUN DEPAN.
KEMENTERIAN JUGA TELAH MEMOHON
PERUNTUKAN TAMBAHAN DALAM KAJIAN
SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA
KE-9 UNTUK MEMBINA JALAN EMPAT-LORONG
YANG MENYAMBUNGAN BUKIT PUTUS KE**

**KUALA PILAH, SERTA MEMBINA JALAN PINTAS
KUALA PILAH KE BAHAU DAN JALAN PINTAS
BAHAU.**

NO: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WEE CHAO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN : 48

Tuan Wee Chao Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapa Kerajaan enggan untuk melaksanakan dasar penerbangan secara liberal (*Open Sky*) dan membenarkan MAS beroperasi secara tambang murah untuk perkhidmatan rakyat Malaysia dan kenapa perlu membenarkan syarikat swasta seperti AirAsia untuk memonopoli perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Dakwaan Yang Berhormat bahawa Malaysia enggan untuk melaksanakan dasar penerbangan secara 'Open Skies' adalah tidak tepat. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia sememangnya menawarkan perjanjian berbentuk 'Open Skies' kepada semua Negara-negara asing. Walau bagaimanapun, penerimaannya adalah tertakluk kepada kesediaan Negara-negara tersebut. Setakat ini, kita telah mengadakan perjanjian berbentuk 'Open Skies' dengan beberapa buah Negara seperti Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu, Negara-negara Scandinavia, New Zealand, Yemen, Austria dan Taiwan. Perjanjian berbentuk 'Open Skies' ini membenarkan syarikat penerbangan kedua-dua buah Negara mengadakan perkhidmatan tanpa had kapasiti, frekuensi dan jenis pesawat yang ingin digunakan.

Berhubung dengan perkhidmatan udara yang disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Berdasarkan rasionalisasi perkhidmatan udara ini, MAS telah ditetapkan untuk menjalankan operasi domestik secara penerbangan perkhidmatan penuh (*full service carrier –FSC*) manakala AirAsia menyediakan perkhidmatan domestik secara tambang murah (*low cost carrier – LCC*).

Selaras dengan keputusan tersebut, kedua-dua syarikat telah menyediakan perkhidmatan berdasarkan model perniagaan masing-masing, dengan mensasarkan kepada pasaran penumpang yang berbeza. Walau bagaimanapun, wujud persaingan yang sihat di antara kedua-dua buah syarikat. Ini dapat dilihat dari segi promosi kedua-dua buah syarikat penerbangan untuk menarik penumpang-penumpang berasaskan kadar tambang dan perkhidmatan yang ditawarkan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Y.B. juga, pada ketika ini MAS tiada cadangan untuk mengendalikan perkhidmatannya secara LCC. Di samping itu, Kerajaan juga tidak menerima sebarang permohonan daripada mana-mana syarikat lain untuk mengadakan perkhidmatan LCC.

Namun, sekiranya terdapat permohonan daripada mana-mana pihak untuk menjalankan operasi penerbangan secara tambang murah, Kerajaan perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti saiz pasaran, *viability* operasi dan beberapa faktor yang lain di dalam mempertimbangkan permohonan ini. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya persaingan yang tidak sihat di antara syarikat-syarikat penerbangan tempatan yang mana akhirnya akan merugikan semua pihak termasuk pengguna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 14 MEI 2008
RUJUKAN : 876

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan pengrekrutan anggota polis yang amat diperlukan untuk mengurangkan kes jenayah yang amat serius dan apakah jumlah anggota polis terkini mengikut pecahan tanggungjawab mereka.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Petaling Jaya Utara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2007, PDRM telah melantik seramai 4,070 anggota berpangkat Inspektor dan Konstabel. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,030 anggota berpangkat Inspektor (753 lelaki) (277 wanita) dan seramai 3,040 anggota berpangkat Konstabel (2,169 lelaki) (871 wanita).

Bagi tahun 2008, PDRM telah merancang untuk melantik 10,000 anggota polis berpangkat Inspektor dan Konstabel. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,000 anggota berpangkat Inspektor (850 lelaki)(150 wanita) dijangka akan dilantik pada bulan Jun dan September ini.

PDRM juga telah merancang untuk melantik seramai 9,000 anggota polis berpangkat Konstabel yang terdiri daripada anggota lelaki dan wanita. Bagi fasa pertama iaitu seramai 768 anggota lelaki telahpun dilantik pada 16 Februari 2008 dan kini ditempatkan di PULAPOL Muar (515 anggota) dan PULAPOL Kota Kinabalu(253 anggota).

Bagi fasa kedua, seramai 1,590 anggota lelaki dan wanita akan dilantik iaitu pada 15 Mei 2008 (850 anggota lelaki) dan pada 1 Jun 2008 (740 anggota wanita). Anggota-anggota berkenaan akan ditempatkan di PULAPOL Kuching dan PULAPOL Ayer Hitam.

Jumlah keanggotaan polis mengikut pecahan tanggungjawab jabatan-jabatan di bawah PDRM berakhir 31 Mac 2008 ialah seramai 96,406 orang iaitu Jabatan Pengurusan (35,662) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (31,635) Jabatan Logistik (10,793) Jabatan Siasatan Jenayah (8,673) Cawangan Khas (4,923) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (3,357) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (1,141) dan Jawatan Kader (222).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN

1. **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (Jelutung)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (CVLB) merestui sistem 'pajak' yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat bas awam di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Seksyen 39 Akta LPKP 1987 (Akta 334) sistem pajak atau pindah milik, serah hak, membenar mana-mana orang mengguna kenderaan atau memberi perkhidmatan kenderaan yang dilesen adalah tidak dibenarkan kecuali dengan keizinan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- (a) Adakah Kementerian akan meneruskan program pemberian RM300 sebulan kepada kanak-kanak cacat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai mana yang disarankan Menteri terdahulu; dan
- (b) Apakah program-program yang disediakan serta langkah-langkah pemantauan bagi memastikan kanak-kanak ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak menyediakan pemberian bantuan RM300 sebulan kepada kanak-kanak cacat tetapi JKJ ada menyediakan elaun sebanyak RM150 sebulan kepada kanak-kanak cacat yang menghadiri Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Di samping itu, skim bantuan sebanyak RM300 sebulan disediakan untuk penjaga pesakit kronik terlantar/orang kurang upaya (OKU) terlantar dan OKU yang bekerja dengan pendapatan tidak melebihi RM750 sebulan di bawah skim Elaun Pekerja Cacat (EPC). Pemberian ketiga-tiga skim bantuan ini akan diteruskan oleh JKJ.

b) Dalam memastikan kanak-kanak ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara, pelbagai program telah digariskan dalam Pelan Tindakan Nasional OKU. Pelan ini mengandungi strategi yang mengutamakan kepentingan terbaik untuk kanak-kanak OKU dari segi perkembangan yang menyeluruh. Salah satu program untuk

kanak-kanak OKU adalah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Program ini mengandungi aktiviti pencegahan, pemulihan dan pembangunan yang bertujuan memberi peluang sama rata bagi membolehkan mereka diintegrasikan dalam masyarakat. Antara latihan yang disediakan di PDK adalah aktiviti kehidupan harian atau *activities of daily living*, dengan izin, pembelajaran khas, kaunseling, fisioterapi, kaedah pemulihan, kemahiran berinteraksi dan latihan vokasional untuk melatih OKU ke arah hidup berdikari. Sehingga April 2008, terdapat 379 buah PDK di seluruh negara yang memberi manfaat kepada 12,712 OKU.

Pemantauan ke atas pelaksanaan program PDK ini dibuat melalui penubuhan tiga Jawatankuasa seperti berikut:-

- (i) Jawatankuasa PDK (peringkat pelaksana) bagi setiap Pusat PDK
- (ii) Jawatankuasa Penyelaras PDK Daerah (peringkat daerah)
- (iii) Jawatankuasa Penyelaras PDK Negeri (peringkat negeri)

Peranan utama Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan keperluan kanak-kanak dipenuhi, program dan aktiviti dilaksanakan serta melibatkan ibu bapa di dalam aktiviti yang dijalankan di PDK.

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta PERDANA MENTERI menyatakan kos sebenar pembinaan Putrajaya dan sewaan tahunan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensinya kepada Putrajaya Holdings sejak 1999.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kos sebenar bagi pembinaan Putrajaya sehingga kini adalah sebanyak RM11,831 juta yang meliputi pembangunan pejabat-pejabat Kerajaan, kuarters Kerajaan, *Putrajaya International Convention Centre* dan rumah Kediaman Rasmi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri dan Hakim-Hakim serta pembangunan infrastruktur seperti terowong, jalan, jambatan, menara selain kemudahan awam seperti taman, dataran, *boulevard, promenade*, tasik, utiliti dan lain-lain.

Pembangunan bangunan pejabat-pejabat Kerajaan di Putrajaya adalah secara penswastan melalui kaedah bina, pajak dan pindah (*build-lease-transfer*). Melalui kaedah ini, Putrajaya Holdings menggunakan pembiayaan sendiri untuk membina pejabat-pejabat Kerajaan secara berperingkat di atas tanah Kerajaan di Putrajaya dan Kerajaan menyewa bangunan tersebut dalam tempoh konsesi selama 25 tahun dengan kadar bayaran bulanan yang telah ditetapkan iaitu bermula dengan RM2.50 sekaki persegi. Pada akhir tempoh konsesi, bangunan-

bangunan ini akan dipindahkan kepada Kerajaan tanpa lain-lain bayaran.

Bangunan Kerajaan mula diduduki secara berperingkat oleh Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan apabila bangunan-bangunan yang diperuntukkan kepada Kementerian dan Jabatan berkenaan siap. Jumlah sewaan tahunan yang dibayar oleh Kerajaan kepada Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

Tahun	Sewaan Tahunan (RM juta)
1999	18.6
2000	129.8
2001	247.9
2002	309.8
2003	373.0
2004	434.0
2005	732.0
2006	878.1
2007	929.7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.05.2008

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed (Pulai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah sebab-sebab utama kenaikan harga bahan bakar dan tenaga elektrik dan kaitannya kepada kenaikan harga barangan keperluan rakyat seperti makanan dan pengangkutan awam. Sila jelaskan langkah Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga tersebut bagi mengurangkan beban rakyat.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Punca utama kenaikan harga bahan bakar dan tenaga elektrik adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah di pasaran. Harga minyak mentah jenis West Texas Intermediate (WTI) meningkat 28% daripada purata AS\$56.59

setong pada tahun 2005 kepada AS\$72.23 pada tahun 2007. Bagi tiga bulan pertama tahun 2008, harga purata WTI terus meningkat kepada AS\$97.86 setong, sementara sebut harga WTI meningkat kepada AS\$119.70 setong pada 25 April 2008. Berikutan kenaikan harga minyak mentah, jumlah perbelanjaan subsidi oleh Kerajaan ke atas barangan petroleum akan meningkat daripada RM16 bilion pada tahun 2005 kepada RM18.31 bilion pada tahun 2008. Ini telahpun mengambil kira pelarasan harga runcit diesel, petrol dan LPG yang dibuat oleh Kerajaan pada 28 Februari 2006.

2. Kenaikan harga minyak mentah telah menyebabkan kos pengeluaran barangan berasaskan minyak seperti baja dan racun perosak yang digunakan sebagai input di sektor pertanian juga meningkat. Ditambah pula dengan peningkatan permintaan dari negara China dan India serta masalah perubahan iklim, pengurangan tanah untuk pertanian dan penggunaan komoditi makanan seperti minyak sawit, jagung dan gandum untuk bio-diesel, ini bukan sahaja menyebabkan harga terus meningkat tetapi bekalan makanan juga berkurangan.

3. Bagi pengangkutan awam pula, kenaikan harga runcit diesel dan petrol telah menyumbang kepada peningkatan kos pengangkutan. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan

peningkatan harga minyak pelincir dan alat ganti. Semua faktor ini telah menyumbang kepada peningkatan kos pengangkutan yang dihadapi oleh semua industri, termasuk industri makanan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kenaikan harga barangan, terutama bahan makanan adalah fenomena global. Kerajaan amat prihatin terhadap beban yang ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, untuk menangani isu kenaikan harga, satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-Langkah Membendung Inflasi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bermesyuarat setiap minggu bagi membincangkan pelbagai cadangan untuk mengurangkan beban golongan rakyat berpendapatan rendah.

5. Antara langkah yang telah dilaksanakan untuk membantu mengawal kenaikan harga dan mengurangkan beban rakyat termasuk seperti berikut:

- i. Mengekalkan harga runcit diesel, petrol dan LPG, walaupun harga minyak mentah telah melonjak tinggi (mencecah AS\$120 setong pada bulan April 2008).

- ii. Menyeragamkan harga LPG di Sabah dan Sarawak sebanyak 183 sen/kg kepada harga di Semenanjung Malaysia sebanyak 175 sen/kg berkuat kuasa 17 April 2008;
- iii. Memantau dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas harga barangan supaya para peniaga tidak sewenang-wenang menaikkan harga;
- iv. Mengawal harga beberapa barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung gandum, roti dan yang lain;
- v. Memastikan bekalan barangan keperluan asas, terutamanya barang makanan adalah mencukupi. Bagi tujuan ini, salah satu langkah yang akan dilaksanakan ialah menyediakan satu dana berjumlah RM4 bilion untuk menambah pengeluaran makanan di samping memastikan kestabilan harga barang makanan;
- vi. Meningkatkan program pendidikan pengguna supaya berbelanja dengan berhemat;
- vii. Membenarkan kenaikan kadar tol untuk lebuh raya tertentu sahaja dan memberi subsidi kepada

operator tol tertentu untuk mengekalkan kadar tol;
dan

viii. Mengekalkan kadar tambang bas dan teksi.

6. Sementara itu, antara langkah untuk mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah yang sedang dikaji termasuk penstrukturan semula subsidi barangan petroleum supaya subsidi benar-benar memanfaatkan golongan yang disasarkan di samping mengurangkan ketirisan dan penyelewengan, dan pemansuhan kawalan import dan harga ke atas barangan tertentu supaya menambahkan bekalan di samping mewujudkan harga yang lebih kompetitif.

SOALAN NO: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH
ALAM)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 14.05.2008

Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan nilai keuntungan syarikat luar pesisir TNB International Coal serta sebab-sebab yang mendorong Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendaftarkan anak syarikat luar pesisirnya di negara asing dan tidak di Labuan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat bulan Mac 2008 syarikat TNB Coal International Ltd (TNBCIL) telah mencatatkan kerugian berjumlah RM21.12 juta. Pada tahun 2006 kerugian yang dicatatkan adalah berjumlah RM61.09 juta dan kerugian tersebut telah dapat dikurangkan kepada RM29.61 juta pada tahun 2007. TNBCIL adalah sebuah syarikat bertujuan khas (*special purpose vehicle*) bagi menguruskan dana luar negeri (*foreign funding*) di dalam memperolehi hak melombong arang batu (*coal mining rights*) di Indonesia.

Untuk makluman Yang Berhormat, TNB mendaftarkan TNBCIL di Mauritius dan bukannya di Labuan disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. Sekatan ke atas Syarikat Pesisir Pantai Labuan. (*Limitation of Labuan offshore Trading Company*).

TNBCIL tidak boleh membekalkan arang batu kepada TNB Fuel Sdn Bhd, iaitu syarikat milik penuh TNB yang membekalkan arang batu kepada loji IPP kerana Seksyen 7 (*Limitation of Trade*) *Offshore Companies Act 1990 (Act No. 441)* menghalang syarikat-syarikat pesisir pantai di Wilayah Persekutuan Labuan daripada menjalankan aktiviti perniagaan dengan pemastautin (*resident*) di Malaysia.

- ii. Pemindahan Dividen (*Repatriation of Funds*).

Pendapatan dividen yang diperolehi oleh TNB daripada syarikat yang didaftarkan di Mauritius dibenarkan untuk membuat pengisytiharan (*declaration*) pengecualian (*exempt*) 2-peringkat (*2-tier*), di bawah *Income Tax (Exemption) (No 48) Order 1997*, berbanding dividen yang dibayar oleh syarikat yang didaftarkan di Labuan yang hanya membenarkan pengecualian satu peringkat (*single tier*) sahaja (*Income Tax exemption (No 10) Order 2000*).

- iii. Cukai Pendapatan Syarikat

Cukai pendapatan syarikat di Mauritius adalah lebih rendah iaitu antara 0% hingga 3% berbanding di Labuan sebanyak 3% ataupun RM20,000, mengikut mana lebih yang rendah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
**DARIPADA : DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BT.
WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**
TARIKH : 14 MEI 2008
RUJUKAN : 959

SOALAN:

Datin Seri Dr. Wan Azizah Bt. Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan masih belum membebaskan 20 tahanan ISA yang telah mencapai 6 tahun pada tahun ini. Adakah 6 tahun belum cukup Kerajaan mencari bukti untuk mendakwa mereka di mahkamah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, hanya terdapat lima (5) orang sahaja tahanan ISA yang mana tempoh tahanan mereka telah mencapai enam (6) tahun pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan penahanan di bawah ISA adalah untuk mencegah seseorang daripada melakukan sebarang perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan Malaysia, penyenggaraan perkhidmatan perlu di dalam negara dan kehidupan ekonomi Malaysia. Ianya bukanlah bertujuan untuk memberikan masa kepada pihak yang berkuasa bagi mencari bukti agar dapat mendakwa tahanan-tahanan ini di Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan mereka ini masih ditaksirkan boleh mendatangkan ancaman kepada keamanan dan keselamatan negara, justeru, adalah belum wajar untuk mereka dibebaskan. Namun demikian, pihak Kerajaan masih berusaha untuk melaksanakan program-

program pemulihan dan berharap mereka akan insaf serta sedar bahawa kefahaman ekstrem yang masih dipegang dan diperjuangkan selama ini tidak sesuai diamalkan di negara ini. Adalah menjadi harapan Kerajaan agar, mereka akan sedar dan berubah supaya dapat dibebaskan untuk kembali ke pangkuan masyarakat dan menjadi rakyat yang berguna kepada negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN RAZALI BIN HAJI
IBRAHIM [MUAR]**

TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN

Y.B. Tuan Razali Bin Haji Ibrahim minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah kejayaan dan polisi kementerian bagi mempromosikan kegunaan sumber tenaga alternatif dan adakah Kerajaan bersedia untuk membuat sasaran peratusan kegunaan tenaga alternatif secara rasional dalam jangka masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin memaklumkan bahawa selaras dengan dasar kepelbagaian bahan api negara, Dasar Lima Bahan Api (*Five-Fuel Policy*) telah diperkenalkan pada tahun 2000, dimana tenaga yang boleh diperbaharu atau Renewable Energy (RE) telah dijadikan

sumber tambahan atau sumber alternatif kepada sumber bahan api sediaada iaitu minyak, gas, hidro dan arangbatu. Sumber tenaga yang boleh diperbaharu yang telah dikenalpasti termasuk *biomass*, biogas, sisa buangan bandar (*municipal waste*), tenaga suria, angin dan mini hidro.

Di bawah dasar ini, Kerajaan telah memperkenalkan Program Pembangunan Janakuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharu (*Small Renewable Energy Programme – SREP*) pada 11 Mei 2001 sebagai satu langkah untuk meningkat dan menggalakkan penggunaan RE bagi penjanaan tenaga elektrik di Malaysia serta sebagai usaha untuk mengurangkan kesan negatif akibat penjanaan tenaga elektrik ke atas alam sekitar. Projek-projek RE dibawah SREP dibenarkan menjual tenaga elektrik yang dijana menggunakan sumber RE melalui sambungan ke grid kepada pihak utiliti sehingga kapasiti penjanaan 10 MW.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang menyediakan Pelan Tindakan Tenaga Yang Boleh Diperbaharu (*Renewable Energy Action Plan*) bagi melengkapi Dasar Lima Bahanapi. Pelan tersebut yang merangkumi elemen-elemen seperti polisi, pembiayaan projek-projek RE, perjanjian jual beli tenaga RE

dan insentif fiskal dirangka bagi memacu pembangunan industri RE negara. Sebagai tindakan permulaan, Kerajaan telah menaikkan harga jualan kuasa elektrik bagi projek-projek SREP berasaskan sumber biomass dan biogas daripada 19 sen/kWjam kepada 21 sen/kWjam bermula pada Ogos 2007. Melalui kenaikan ini, daya maju sesuatu projek SREP adalah lebih tinggi dan dijangkakan pada penghujung tahun ini lebih kurang 70 MW kapasiti penjanaan projek SREP akan disambungkan ke grid.

Kementerian saya juga berjaya menyeragamkan dan mempermudah perjanjian jual beli tenaga RE (*Renewable Energy Power Purchase Agreement*, REPPA) bagi projek-projek RE berkapasiti 2 MW dan ke bawah. Melalui usaha ini, projek-projek RE dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan mengurangkan masa rundingan pemaju dengan pihak utiliti tenaga.

Bagi menggalakkan penggunaan RE, Kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif fiskal seperti Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan dan pengecualian cukai import dan duti jualan kepada pemaju-pemaju projek RE yang layak.

Kerajaan amat komited untuk membangunkan penggunaan sumber RE bagi penjanaan tenaga elektrik di Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan, Kerajaan mensasarkan sebanyak 350 MW kapasiti penjanaan RE akan disambungkan ke grid. Daripada jumlah ini, 300 MW adalah di Semenanjung Malaysia dan 50 MW di Sabah. Secara perbandingan, kapasiti penjanaan ini adalah lebih kurang 2% daripada kapasiti terpasang negara. Jumlah ini adalah kecil pada masa ini memandangkan teknologi RE di dunia masih baru dan kos penjanaan seunit tenaga elektrik adalah masih tinggi berbanding dengan penjanaan daripada sumber konvensional seperti arang batu atau gas.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
(IPOH TIMUR)
TARIKH : 14.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sudah memahami mesej jelas 'tsunami politik' 8hb Mac untuk membawa pembaharuan supaya SJKC dan SJKT mendapat peruntukan dan layanan adil, termasuk pembinaan sekolah-sekolah baru, berdasarkan keperluan-keperluan enrolmen dan bukannya pertimbangan politik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Dalam hal ini, projek-projek pembangunan dirancang dan dilaksanakan berdasarkan bilangan penduduk sesuatu kawasan ataupun kewujudan kawasan perumahan baru. Di samping itu, KPM juga terus berusaha ke arah menyatupadukan rakyat dan salah satu pendekatan yang digunakan oleh KPM adalah dengan menubuhkan lebih banyak sekolah aliran perdana bagi semua golongan masyarakat selari dengan dasar pendidikan negara untuk mengekalkan perpaduan nasional melalui institusi pendidikan.

Namun, KPM tidak pernah mengabaikan sekolah-sekolah aliran lain khususnya bagi SJKC dan SJKT. Pelbagai usaha dan cara telah diberi bagi mengatasi masalah keperluan SJKC dan SJKT. Bagi SJKC sahaja, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), KPM telah memperuntukkan sebanyak RM174.34 juta untuk SJKC dan RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada pembinaan dua buah SJKC, yang telah diluluskan oleh KPM dalam RMKe-9, pada Januari 2008 kerajaan juga telah meluluskan pembinaan 6 buah lagi SJKC baru. Di samping itu, bagi mengatasi masalah sekolah berenlomen besar di SJKC khususnya di kawasan kepadatan tinggi dan di bandar, dari tahun 1999 hingga Januari 2008, KPM telah meluluskan perpindahan sebanyak 75 buah SJKC yang mana sebahagian besar adalah sekolah kurang murid, ke kawasan yang mempunyai keperluan yang tinggi.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN
HAJI AZIZ
(SRI GADING)**

TARIKH : 14 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejauh mana kejayaan projek lampu jalan di kampung-kampung sehingga hari ini.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) merupakan usaha sama antara pihak Kementerian dan Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung Malaysia, Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) bagi Negeri Sabah dan Sarawak Energy Berhad bagi Negeri Sarawak. Setelah kerja-kerja pemasangan siap di lakukan, lampu-lampu jalan tersebut akan diserahkan kepada pihak PBEN untuk di operasi dan di senggara. Kos akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Sehingga akhir tahun 2007, Kementerian telah menyiapkan pemasangan 158,071 unit LJK melibatkan 23,423 buah kampung diseluruh negara. Memandangkan masih terdapat kampung-kampung yang belum mendapat LJK, maka Kementerian meneruskan pelaksanaan projek LJK Fasa IV dan akan dimulakan pada bulan Jun 2008.

Adalah menjadi harapan Kementerian untuk memastikan semua kampung di seluruh Negara di pasang dengan LJK berjumlah 10 unit.

No: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)
TARIKH : 14.05.2008 (RABU)
SOALAN : # 59

IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG) minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan sehingga kini apakah
kemajuan penggunaan NGV untuk semua jenis kenderaan dan apakah strategi Kerajaan
seterusnya untuk meningkatkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod, sebanyak 10,769 buah kenderaan telah menggunakan NGV. Kerajaan telah
memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan penggunaan bahan bakar alternatif
tersebut. Antara insentif yang telah diambil adalah :

- (i) pengecualian cukai import dan jualan ke atas *conversion kit, gas cylinder, chasis* dan
enjin lori yang menggunakan NGV.
- (ii) Pemotongan cukai jalan sebanyak 25 peratus bagi kenderaan yang menggunakan *bi-fuel /*
dual fuel dan 50 peratus untuk monogas.

Dalam usaha untuk menggalak dan memperluaskan kemudahan penggunaan NGV, maka Kerajaan telah mengarahkan Petronas membina 200 Stesen NGV menjelang penghujung tahun 2008. Walau bagaimanapun, hanya sebanyak 73 buah stesen NGV telah beroperasi dan 2 buah stesen dijangka siap dalam bulan Mei 2008. Manakala sebanyak 25 buah stesen NGV dijangka siap menjelang akhir 2008. Baki 100 buah stesen NGV dijangka siap dalam tahun 2009.

Bagi memastikan Petronas dapat mempercepatkan pembinaan 200 stesen minyak yang mempunyai kemudahan NGV, Kementerian telah menubuhkan *one stop agency* yang mana keahliannya terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Petronas Dagangan Berhad. *One stop agency* berperanan bagi membincang dan memantau pembangunan stesen minyak mengikut standard dan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi berkaitan serta mempercepatkan proses sesuatu kelulusan.

No: 60

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi)

TARIKH : 14 Mei 2008 (Rabu)

**SOALAN : Oleh Dato' Abu Bakar bin Taib minta Menteri
Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan;**

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membantu nelayan pantai; dan
- b) Berapa banyakkah subsidi E-Petrol yang dikeluarkan berbanding E-Diesel sejak 3 tahun kebelakangan ini dan tidakkah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan tukun tiruan (contohnya bajet sebanyak RM500 juta setahun) untuk memperbanyakkan lagi ikan di laut.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

a) Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan mempunyai pelbagai program bagi membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi nelayan pantai di Malaysia seperti berikut:

1. Program Transformasi Nelayan (LKIM):

Program ini merupakan program pinjaman tanpa faedah kepada nelayan pantai dalam kumpulan 3 hingga 5 orang yang ingin beroperasi menggunakan bot yang lebih besar serta dilengkapi pelbagai peralatan berteknologi dengan syarat bot sedia ada dilupuskan. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mengubah imej nelayan tradisi kepada nelayan moden yang berdikari dan maju.

2. Program Pembinaan Unjam-unjam (LKIM):

Unjam-unjam dibina bagi memperkayakan sumber-sumber biomass dan mengekalkan rantaian pemakanan semulajadi hidupan marin. Secara tidak langsung, ia membantu meningkatkan hasil tangkapan nelayan pantai. Di kawasan unjam ini, nelayan hanya dibenarkan menggunakan perkakas yang tidak merosakkan struktur khas unjam yang dibina sekaligus melindungi kawasan perairan dari pencerobohan pukat tunda. Dalam RMKe-9, tumpuan LKIM adalah membina

Ladang Ikan Di Laut berkeluasan 1 kilometer persegi yang dilabuhkan dengan kombinasi pelbagai jenis unjam bagi memberi hasil yang lebih besar.

3. Program Latihan Kemahiran Dan Kursus Teknologi Perikanan (LKIM):

Di bawah program ini, latihan dan kursus kemahiran di berikan sebagai pendedahan merangkumi aspek penyelenggaraan enjin, perkakasan menangkap ikan dan teknologi peralatan. Program ini bertujuan mendedahkan peserta kepada penggunaan teknologi penangkapan ikan yang lebih moden dan efisien serta praktikal khususnya nelayan di kawasan pendalaman. Di samping itu, program ini bertujuan untuk mewujudkan pengusaha pukat dikalangan nelayan tempatan dan memberi kefahaman lebih mengenai penggunaan net hauler. Dalam RMKe-9, seramai 424 orang nelayan telah terlibat dalam program ini dan LKIM mensasarkan lebih ramai nelayan yang akan diberi latihan.

Di bawah program ini juga, LKIM ada menyediakan bantuan dan kemudahan untuk membantu nelayan pantai seperti berikut:

- i. Menyediakan pinjaman tanpa faedah untuk membeli sampan/bot, pukat, enjin dan peralatan lain menangkap ikan dibawah Program Dana Nelayan;

- ii. Membina jeti dan kemudahan pemasaran untuk nelayan mendarat dan memasarkan hasil tangkapan;
- iii. Memberi bantuan enjin, sampan dan pukot kepada nelayan yang termasuk dalam kategori miskin tegar dibawah Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan Insentif Pelbagai Peralatan;
- iv. Memberi latihan dan kursus kepada nelayan dan ahli keluarga dalam bidang pemprosesan hasil perikanan, kraftangan, pemprosesan makanan berasaskan pertanian dan kursus lain yang berkaitan untuk tujuan pendedahan;
- v. Memberi kemudahan diesel dan petrol bersubsidi kepada nelayan yang memiliki lesen vesel yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia; dan

Pelbagai program dan projek turut dilaksanakan di bawah Jabatan Perikanan untuk membantu nelayan pantai iaitu seperti berikut:

- i. Projek pembangunan tukun tiruan yang antara lain bertujuan untuk membaik pulih sumber perikanan, sebagai alat penghalang kemasukkan pukot tunda ke kawasan nelayan kecil/tradisional di Zon A;
- ii. Pembangunan tukun rekreasi sebagai alternatif kepada nelayan kecil/tradisional menceburkan diri dalam bidang

perikanan rekreasi bagi menambah pendapatan dengan membawa pemancing rekreasi;

- iii. Memperluas dan mempertingkatkan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985 bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di samping mengoperasikan stesen-stesen pemantauan di kawasan-kawasan perairan yang bermasalah; dan
- iv. Memperkenal dan membantu menubuhkan kumpulan Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan (KPSP) yang bertujuan melahirkan usahawan yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan yang meliputi pelbagai bidang seperti bidang pemprosesan hasilan ikan, perkhidmatan penyelenggaraan dan membaiki enjin dan vesel menangkap ikan, perikanan rekreasi dan aspek pemasaran.

b) Subsidi E-Petrol hanya diperkenalkan bermula pada bulan Jun 2006 berbanding subsidi E-Diesel yang telah diperkenalkan sejak tahun 2002. Pada tahun 2006, sebanyak 45,413,959 liter subsidi petrol telah dikeluarkan (bermula pada bulan Jun) berbanding dengan 989,727,418 liter subsidi diesel. Pemberian subsidi petrol terus meningkat pada tahun 2007 iaitu sebanyak 69,461,384 liter berbanding dengan 1,099,000,723 liter subsidi diesel.

Dari segi pengeluaran kad pintar e-petrol dan e-diesel pula, sehingga 31 Mac 2008 sebanyak 32,031 kad pintar telah diluluskan kepada pemilik vesel berlesen di seluruh negara dimana 16,237 merupakan kad pintar e-diesel dan 15,794 adalah kad e-petrol.

Pembinaan tukun tiruan adalah berdasarkan kesesuaian tapak setelah kajian dilaksanakan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah menyediakan peruntukkan sebanyak RM10 juta bagi tujuan pembinaan 35 tapak baru tukun tiruan di seluruh negara. Sehingga tahun 2007, sebanyak 341 tukun telah dibina diseluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN
TARIKH	14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada projek-projek mega di negeri-negeri yang dipimpin oleh pembangkang akan terjejas. Apakah projek-projek yang akan dikaji semula oleh negeri-negeri berkenaan?

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Perlu.

Projek mega seperti projek Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar dan Jambatan Pulau Pinang Kedua akan diteruskan walaupun melibatkan negeri-negeri yang dipimpin oleh kerajaan bukan Barisan Nasional. Ini adalah kerana, projek tersebut mempunyai kepentingan nasional dan membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, kelancaran pelaksanaan projek tersebut bergantung kepada kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri terlibat, terutamanya dalam memberikan kelulusan terhadap permohonan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan tanah bagi tapak projek dan kelulusan pelan perancangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan-Kerajaan Negeri berkenaan perlu memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan Persekutuan bagi memastikan projek tersebut berjalan lancar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TIONG THAI KING
(LANANG)
TARIKH : 14.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN TIONG THAI KING (LANANG) minta Menteri Pelajaran menyatakan negara kita masih menghadapi masalah kekurangan guru terutamanya di sekolah rendah dan menengah aliran cina, senaraikan:-

- (a) bilangan guru dan guru besar yang masih diperlukan untuk mengisi semua jawatan kosong di sekolah rendah dan menengah aliran Cina; dan
- (b) bilangan guru sementara yang bertugas di seluruh negara dan bilangan guru yang bersara berbanding dengan bilangan guru terlatih baru pada tahun 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Kekurangan guru dan guru besar bukan sahaja wujud di SJKC tetapi juga di hampir semua jenis sekolah. Walau bagaimanapun, ini merupakan masalah sementara akibat pewujudan jawatan baru dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2008. Pewujudan jawatan tambahan sama ada jawatan guru ataupun jawatan pentadbir sekolah. Sehingga 31 Januari 2008, bilangan kekosongan guru di SJKC adalah sebanyak 3095 orang, manakala bilangan kekosongan jawatan guru besar di SJKC adalah sebanyak 105 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sekolah menengah di bawah KPM adalah aliran Kebangsaan.

- b) Berhubung dengan khidmat Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), KPM telah meluluskan pengambilan GSTT berdasarkan kekosongan semasa untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SJKC. Bagi tahun 2008 sahaja, sejumlah 3,095 GSTT telah diluluskan bagi mengisi kekosongan jawatan di SJKC. Kelulusan ini dibuat berdasarkan jumlah kekosongan di setiap negeri sehingga 31 Januari 2008. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2007, bilangan guru yang bersara adalah sebanyak 4,310 orang. Daripada jumlah tersebut 2023 orang guru adalah dari sekolah rendah manakala 2287 orang guru dari sekolah menengah. Manakala guru terlatih baru yang dilantik pada tahun 2007 adalah sebanyak 22,010 orang. Daripada jumlah tersebut, 9,592 adalah guru sekolah rendah dan 12,418 orang adalah guru sekolah menengah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan peperiksaan Certificate of Legal Practice (CLP). Jika ada, bila dan apa yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk menggantikan peperiksaan CLP tersebut.

CADANGAN JAWAPAN:

1. Kursus dan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) telah diadakan sejak tahun 1984 sebagai satu langkah sementara Kerajaan ekoran peningkatan piawaian kemasukan ke badan guaman di United Kingdom. Kerajaan sememangnya bercadang untuk memansuhkan dan menggantikan peperiksaan CLP dengan satu Kursus *Common Bar Course (CBC)* diikuti dengan Peperiksaan

satu Kursus *Common Bar Course (CBC)* diikuti dengan Peperiksaan *Common Bar Examination (CBE)*. Langkah-langkah ke arah itu sudah pun dimulakan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia (Lembaga Kelayakan).

2. Satu kajian secara menyeluruh, antara lain, mengenai isu-isu utama seperti untuk mewujudkan kursus *CBC* serta institusi yang akan mengendalikan kursus ini sedang dibuat dan berada pada tahap terakhir. Kajian ini dikendalikan dengan teliti oleh jawatankuasa *CBC* yang telah dilantik oleh Lembaga Kelayakan. Jawatankuasa ini diterajui oleh seorang perunding dalaman yang juga bertindak sebagai penasihat (*in-house consultant cum adviser*) yang dilantik oleh Lembaga Kelayakan.

3. Selain perunding dalaman, Jawatankuasa *CBC* turut dianggotai oleh seorang peguam bela dan peguam cara kanan yang aktif dalam amalan kepeguaman serta berkecimpung dalam bidang pengajaran undang-undang, wakil daripada Jabatan Peguam Negara, wakil daripada Majlis Peguam Malaysia (*Bar Council Malaysia*) dan wakil daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*). Kerajaan telah menetapkan bahawa Kursus *CBC* dan Peperiksaan *CBE* akan dikendalikan oleh sebuah badan "non-profit" yang disokong oleh Kerajaan.

4. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan dengan lebih lanjut dan konkrit kursus-kursus bagi *CBC*. Pada masa ini, pihak universiti tempatan juga telah bersetuju untuk terlibat sama

dalam kursus *CBC* selepas mengkaji secara terperinci isu-isu berkenaan kursus *CBC* yang dicadangkan. Lembaga Kelayakan telah menasihati Jawatankuasa *CBC* untuk mengkaji kemungkinan pihak universiti tempatan yang kini mengendalikan program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (*LL.B*) untuk mengendalikan kursus *CBC* tersebut memandangkan universiti-universiti itu dilengkapi dengan prasarana dan kemudahan-kemudahan yang lain seperti pusat sumber. Cadangan ini juga akan dapat membantu calon-calon kursus *CBC* daripada menanggung kos pembelajaran yang tinggi.

5. Jawatankuasa *CBC* juga telah dinasihati oleh Lembaga Kelayakan untuk melihat dan mengkaji *Bar Vocational Course* yang dikendalikan di United Kingdom sebagai contoh. Pelan kerja lanjut seterusnya untuk dikaji oleh Jawatankuasa *CBC* adalah mengenai kurikulum yang sesuai, padat serta praktikal dari segi amalan kepeguaman di Malaysia bagi kursus *CBC* ini.

6. Kerajaan akan membuat pengumuman yang sewajarnya sebaik sahaja menerima laporan penuh dari Lembaga Kelayakan. Dengan adanya peperiksaan CBE yang bakal dilalui oleh semua bakal pengamal undang-undang di Malaysia, ia akan menjamin satu piawaian yang seragam yang boleh meningkatkan lagi mutu pengamal-pengamal undang-undang di sektor swasta mahupun di sektor awam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 14.05.2008

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan garis panduan Kementerian Kewangan berkenaan dengan pemberian kontrak mengikut cara tender terbuka yang perlu diikuti oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan keperluan penubuhan Majlis Kewangan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang antara lain bertanggungjawab ke atas tatacara kewangan dan perakaunan termasuk perolehan harta awam. Berdasarkan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan ini, Arahan Perbendaharaan (AP) 8 menjelaskan bahawa walau pun

penggunaan wang negeri adalah suatu perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, tetapi tatacara kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri hendaklah tidak bertentangan dengan undang-undang Persekutuan atau mana-mana arahan yang diberikan oleh Perbendaharaan. Ini bermakna semua Kementerian/Jabatan Persekutuan serta Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada tatacara kewangan dan perakaunan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut tatacara perolehan semasa, semua perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang nilainya melebihi RM200,000 hendaklah dipelawa secara tender (Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2 Tahun 2001 dan SPP Bil. 5 Tahun 2007 atau AP 171.1). Sebarang pengecualian dari peraturan semasa termasuk rundingan terus perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Perolehan kerja bernilai sehingga RM200,000 adalah dikhaskan untuk kontraktor Bumiputera Kelas F. Bagi kerja-kerja di bawah RM20,000 kontraktor Kelas F boleh dilantik secara lantikan terus. Selain itu, kontraktor Kelas F ini juga boleh dilantik secara undian, pusingan atau sebut harga untuk kerja-kerja di bawah had RM200,000 tersebut. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bernilai sehingga RM50,000 setahun bagi setiap jenis item, boleh diperolehi terus daripada

mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian, Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera yang memberi harga yang munasabah (SPP Bil. 12 Tahun 2007).

Tatacara perolehan khusus untuk kontraktor Bumiputera Kelas F ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan kontraktor Bumiputera kecilan untuk membina keupayaan dan daya saing. Dalam hal ini, Kerajaan senantiasa memberi galakan dan bimbingan supaya mereka dapat mempergunakan peluang dan bantuan yang dihulurkan ini untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh agar mereka dapat naik ke Kelas yang lebih tinggi dan mampu berdaya saing di masa hadapan.

Kesemua tatacara perolehan semasa ini telah lama diguna pakai dan bertujuan mewujudkan, dengan izin, "level playing field" bagi kontraktor Bumiputera kecilan yang tulen untuk berdaya saing serta berdaya maju dalam arena sektor pembinaan dan bekalan yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan. Dengan ini, agenda pembangunan sosioekonomi dapat dicapai demi kesejahteraan pelbagai lapisan rakyat.

Peraturan perolehan melalui SPP Bil. 4 Tahun 1995 menetapkan bagi perolehan kerja, 30% daripada nilai kerja

tahunan ditandingi di kalangan kontraktor Bumiputera sahaja manakala bakinya (70%) hendaklah ditandingi oleh kontraktor Bumiputera dan kontraktor tempatan (yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN:

Y.B. Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh (Kalabakan) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah jaminan Kerajaan kepada rakyat bahawa semua projek pembangunan yang berbagai jenis dan bidang akan diteruskan sepertimana yang telah dirancang dan diluluskan, khususnya di negeri-negeri yang ditawarkan oleh pihak pembangkang pada pilihanraya ke 12 yang lalu.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Hertua,

Projek pembangunan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah dirancang untuk kesejahteraan rakyat dan membangunkan ekonomi negara. Sejak awal pelancarannya lagi, iaitu pada tahun 2006, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggesa semua agensi pelaksana menyegerakan pelaksanaan projek masing-masing. Sehubungan itu, tahun 2007 telah ditetapkan sebagai tahun pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan. Banyak projek telahpun dimulakan pada tahun tersebut dan

sebahagiannya telahpun siap. Sebahagian lagi sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Projek-projek yang bertujuan membasmi kemiskinan, penyediaan kemudahan asas kepada rakyat seperti bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan, pendidikan, perumahan awam kos rendah, keselamatan dan ketenteraman awam akan diteruskan walaupun di negeri yang tidak ditadbir oleh Barisan Nasional. Projek-projek yang mempunyai kepentingan nasional seperti pelancongan, pembinaan institusi pengajian tinggi, pelabuhan dan lapangan terbang juga akan diteruskan. Projek-projek yang tidak produktif akan dikaji semula pelaksanaannya di semua negeri.

Walaupun, kebanyakan projek yang dirancang memerlukan tanah sebagai tapak projek dan kelulusan perancangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan memerlukan kerjasama daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan kelulusan permohonan tanah serta pelan pembangunan supaya pelaksanaan projek dapat disegerakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)
TARIKH : 14 MEI 2008
SOALAN :

YB DR CHE ROSLI BIN CHE MAT minta **PERDANA MENTERI** menyatakan aktiviti pelaburan Tabung Haji di luar negara. Berapa banyakkah Tabung Haji memperuntukkan dananya dalam pelaburan sektor pertanian terutama kelapa sawit, dan bagaimanakah pulangan dari pelaburan tersebut. Bagaimana pula dengan tenaga kerja yang terlibat dalam menguruskan pelaburan di luar negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertuan,

Pada masa sekarang pelaburan luar negara Tabung Haji (*TH*) tertumpu kepada aktiviti pelaburan dalam sektor perladangan kelapa sawit dan hartanah. Sejumlah RM 1.48 bilion daripada jumlah dana telah dilaburkan dalam pelaburan sektor pertanian. Sehingga kini, pulangan yang diterima daripada perladangan kelapa sawit adalah baik yang mana ia banyak dibantu oleh kenaikan harga minyak sawit mentah yang tinggi pada ketika ini.

Tenaga kerja peringkat atasan seperti pengurus ladang, akauntan dan pengurus operasi adalah terdiri daripada rakyat Malaysia yang beragama Islam.

NO: 67.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)
TARIKH : 14.05.2008 (RABU)
SOALAN : 67

PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah untuk mengawal harga barang pembinaan yang semakin tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Barang pembinaan yang dikawal harganya oleh Kementerian adalah simen, billet dan bar besi keluli sahaja dan Kementerian tidak mengawal harga barang-barang binaan yang lain.

Peningkatan harga bahan asas utama dalam pembuatan besi keluli iaitu besi lusuh sebanyak 35 % daripada USD 293.50 per tan metrik (Januari 2007) kepada USD 400.26 (Disember 2007) sedikit sebanyak menyebabkan bekalan besi keluli di dalam negara terganggu. Peningkatan kos bahan bakar iaitu arang batu dalam pembuatan simen sebanyak 32 % daripada RM 187.90 per tan metrik (Januari 2007) kepada RM 247.00 per tan metrik (November 2007) juga telah menyebabkan situasi sama berlaku dalam industri simen.

Bagi memastikan industri besi keluli lebih kompetitif dan berdaya saing, Kementerian telah memansuhkan kawalan harga bagi produk besi keluli mulai 12 Mei 2008. Di samping itu, pengecualian permit import dan duti import ke atas besi keluli juga telah diberikan agar bekalan dapat diperolehi dari luar negara dan di mana penawaran serta permintaan akan menjadi penentu pasaran besi di Malaysia.

Bagi simen pula, suatu mekanisme penetapan harga yang baru iaitu *Automatic Pricing Mechanisme*(APM) sedang dalam peringkat akhir kajian sebelum harganya diliberalisasikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)
TARIKH : 14 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mewajibkan penyediaan kemudahan bagi Orang Kurang Upaya di bangunan awam termasuk kompleks membeli belah dan sebagainya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memasukkan keperluan penyediaan Kemudahan Akses untuk Orang Kurang Upaya (OKU) ke dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 yang berkuatkuasa pada tahun 1992. Mengikut undang-undang tersebut, semasa mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), semua pemaju/arkitek adalah diwajibkan menyediakan keperluan kemudahan awam untuk semua kategori bangunan awam dan bangunan komersial termasuk hospital, dewan orang ramai, kompleks membeli belah dan hotel.

Bagi memudahkan pelaksanaan keperluan penyediaan kemudahan akses untuk Orang Kurang Upaya oleh PBT, KPKT telah mengeluarkan dua garis panduan yang boleh digunapakai oleh PBT iaitu :-

1. **Garis Panduan Piawaian dan Perancangan Kemudahan Golongan Orang Kurang Upaya**
2. **Garis Panduan Kemudahan Akses Bangunan Untuk Orang Kurang Upaya**

Rang Undang-Undang OKU 2007 telah disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. RUU OKU 2007 yang diluluskan oleh Parlimen pada 24 Disember 2007 telah mewajibkan penyediaan kemudahan bagi orang kurang upaya di Bangunan awam dan bangunan komersial termasuk hospital, dewan orang ramai, kompleks membeli belah dan hotel.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**
Mei 2008